

Jilid II
Bil. 50



Hari Jumaat
9hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7153]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7188]

Maksud B. 13 [Ruangan 7233]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 7188]

Maksud P. 13 [Ruangan 7233]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.I., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasar Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Putih).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 9hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TAMAN HIDUPAN LAUT
DI PERAIRAN PULAU REDANG

1. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan Taman Hidupan Laut di perairan Pulau Redang-Pulau Perhentian, Terengganu. Setakat mana kemusnahan yang berlaku terhadap batu-batu karang di perairan tersebut oleh kegiatan-kegiatan mengebom secara haram. Apakah rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan sesuai dengan hasrat Perdana Menteri hendak mengujudkan Taman Kehidupan Laut di Pantai/Perairan Terengganu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, pada 17-10-1083, Pulau Redang telah pun diwartakan sebagai kawasan larangan di bawah Peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1983. Dalam peraturan ini tiada seorang pun dibenarkan mengutip, cengkerang, moluska atau karang dalam lingkungan 8 kilometer daripada

mana-mana bahagian pantai Pulau Redang. Kegiatan menangkap ikan di kawasan tersebut juga tidak dibenarkan kecuali seseorang itu memegang lesen yang berpangkalan di kawasan itu.

Daripada kajian-kajian yang dijalankan dan juga laporan-laporan yang diterima memang benar ada kesan-kesan batu-batu karang di kawasan itu didapati dimusnahkan oleh kegiatan-kegiatan mengebom secara haram.

Selain daripada mewartakan Pulau Redang sebagai kawasan larangan, tindakan juga sedang diambil untuk mewartakan pulau-pulau di perairan Terengganu iaitu Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar, Pulau Kapas, Pulau Lang Tengah dan Pulau Tenggol sebagai kawasan larangan.

Adalah dicadangkan juga di bawah Akta Perikanan baru tahun 1984, Kawasan-kawasan Simpanan Laut dan Taman Hidupan Laut akan diwujudkan. Dengan itu beberapa kawasan di perairan Malaysia akan dijadikan Kawasan Simpanan Laut dan Taman Hidupan Laut bagi tujuan pemeliharaan dan perlindungan sumber-sumber perikanan laut khususnya kepada flora dan fauna air dan menggalakkan penyelidikan dan kajian-kajian saintifik dalam kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Oleh kerana kegiatan mengebom terdapat di sini, maka soalnya bolehkan diberitahu pada kita di sini bahawa daripada sumber

manakah bom-bom atau alat peletup ini datang kerana biasanya bom-bom ini disimpan oleh Pasukan Keselamatan atau orang-orang yang ada kuari?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pasti dari mana perkakas ataupun bom-bom yang didapati untuk pengeboman ini diperolehi oleh kerana kita ketahui lautan kita ini begitu luas dan besar, bahkan hanya nelayan-nelayan tempatan sahaja yang mencari ikan di tebing-tebing pantai negara kita, bahkan didapati juga ada nelayan-nelayan asing yang menyeludup masuk ke kawasan kita. Jadi kita tidak mengetahui dari mana sumber bom-bom yang digunakan ini didapati.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini setakat ini berapakah tangkapan yang dibuat terhadap orang-orang yang mengebom secara haram di kawasan larangan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tadi?

Yang kedua, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk membaikpulih mana-mana karang yang telah dimusnahkan oleh kegiatan mengebom secara haram ini?

Tuan Luhah Wan: Kepada soalan yang pertama, berapa banyakkah orang yang bersalah didapati menggunakan bom-bom ini, saya minta notislah atas soalan itu, oleh kerana didapati orang yang menggunakan bom-bom haram ini mereka bukan mengerjakan kesalahan itu pada siang hari, bahkan mungkin dilakukan pada ketika para patrol boat marine kita tidak ada di dalam kawasan tersebut, mungkin pada malam hari.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh saya tadi dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat tadi, sebab Kerajaan telah memutuskan bahawa beberapa pulau di Terengganu itu dijadikan Taman Hidupan Laut dan dilarang oleh sesiapa yang tidak mempunyai lesen yang berpangkalan di situ bagi menangkap ikan, itulah salah satu daripada langkah yang di ambil oleh Kerajaan untuk mengawasi supaya batu karang yang hidup di tepi pulau-pulau ini tidak dirosakkan atau tidak dimusnahkan oleh pihak yang mengebom itu.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada lesen-lesen yang dibenarkan untuk menjalankan operasi mereka di mana kalau mereka berpangkalan di tempat itu. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk tidak memberi lesen walaupun kepada mereka yang berpangkalan di situ ataupun memindahkan mereka ke tempat-tempat yang lain kerana ini mungkin salah satu faktor yang menyebabkan adanya pengeboman secara haram.

Kedua, setelah kita mengetahui bahawa adanya peristiwa-peristiwa yang boleh merosakkan hidupan laut ini, adakah Kerajaan mengambil satu langkah yang lebih tegas terutamanya bagi tujuan jangka panjang konsep yang sedang dirangka ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, maksudnya pihak Jabatan Perikanan telah mengecualikan pihak nelayan tempatan yang diam hidup di situ mempunyai lesen dan dapat mencari nafkah hidup di situ oleh kerana kita akan membuat percubaan oleh kerana di dapati orang tempatan ini jarang sekali dia memusnahkan sumber kehidupan diri sendiri oleh kerana para nelayan ini semata-mata bergantung pencarian hidupnya

daripada sumber laut. Pada pemikiran kita haruslah kita memberi peluang kepada para nelayan kecil yang hidup dalam kawasan ini supaya kita dapat meneliti jikalau sungguh mereka pun terlibat dalam membuat kesalahan menggunakan bom yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan ini, kita pun akan menarik balik lesen-lesen mereka dan mencari tempat lain untuk menempatkan mereka. Tetapi pada masa ini pihak Kerajaan belum lagi berbuat demikian.

Jawapan bagi soalan yang kedua itu, sudahpun saya jelaskan tadi kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya dahulu daripada Yang Berhormat, itu sebab pihak Kerajaan sekarang telah mengambil tindakan begini untuk memelihara sumber-sumber hidupan laut yang ada di situ.

HASIL KELUARAN PADI NEGARA

2. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar laporan yang mengatakan bahawa hasil keluaran sawah padi kita bagi tiap-tiap hektar tidak sampai setengah dari yang dihasilkan oleh petani Korea Selatan bagi keluasan yang sama dan di bawah paras purata keluaran Asia/Pasifik dan dunia. Apakah sebab-sebab sebenar perhasilan rendah itu dan adakah Kerajaan bercadang mempelajari sistem sawah padi di Korea Selatan dan melaksanakannya di negara kita selaras dengan Dasar Pandang ke Timur.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa hasil keluaran padi negara kita adalah rendah jika dibandingkan dengan Korea Selatan ataupun purata hasil keluaran Asia dan dunia. Walau bagaimanapun, berbanding dengan 21 negara di Asia yang mengeluarkan padi, Malaysia terletak di kedudukan kelapan dari segi hasil keluaran. Salah

satu faktor yang menyebabkan hasil yang rendah di negara kita ialah jenis padi yang ditanam. Di Korea Selatan dan juga di beberapa negara lain yang tinggi keluarannya itu adalah jenis niponika iaitu beras serupa pulut yang tidak disukai oleh rakyat Malaysia.

Faktor-faktor lain yang mengakibatkan hasil keluaran yang rendah di Malaysia adalah termasuk saiz ladang yang kecil, kesuburan tanah, peringkat kegunaan mekanisasi serta sistem pengurusan tradisional yang masih digunakan.

Berkenaan dengan sistem sawah padi di Korea Selatan Kerajaan akan mengkaji sistem tersebut dan jika didapati sesuai sistem itu mungkin dilaksanakan di Malaysia.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada kawasan-kawasan persawahan padi yang dapat dikerjakan dua kali setahun tetapi gagal dikerjakan kerana ketiadaan cukup air dan pam-pam air, umpama di Rancangan KEMUBU selalu mengalami kerosakan. Apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar bagaimana yang telah pun diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jikalau kawasan itu mengalami kekurangan air tentu sekali tidak boleh ditanam dua kali. Itulah sebabnya Kerajaan telah membuat pertimbangan supaya jangan menanam dua kali supaya jangan membuang masa para petani oleh kerana kekurangan sumber-sumber air dan juga pam yang dikatakan rosak ini, ini dengan daya usaha juga Jabatan yang berkenaan telah menjagakan dan memelihara pam-pam tersebut.

Apa boleh buat, kadangkalanya pam-pam ini oleh kerana dia berjalan 24 jam, ada ketikanya rosak. Macam kitalah, ada masa kita kena batuk dan kena sakit kepala, apa boleh buat! (*Ketawa*).

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa keluaran padi adalah rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri tertentu. Soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan akan menjalankan kajian dan penyelidikan supaya memperbaiki jenis-jenis dan strain padi supaya meninggikan pengeluaran secara contohnya, cara high breed.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil tahu terhadap apa yang disyorkan oleh pihak Yang Berhormat itu, mungkin Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan pada satu ketika dahulu saya menjawab soalan di sini dan menerangkan beberapa jenis padi yang didapati hasilnya begitu menarik oleh pihak MARDI dan saya mohon nanti esok saya boleh beri lis-lis yang didapati oleh MARDI itu untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kekurangan air satu faktor yang menyebabkan penghasilan rendah, selain daripada itu tidak berminatnya anak-anak petani tulin meneruskan usaha warisannya. Apakah cadangan Kerajaan bagi mengatasi dua faktor ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar ada beberapa tempat kawasan ladang padi yang telah begitu lama ditinggalkan oleh pihak-pihak siempunya tanah dan sekarang Kerajaan telah membuat projek yang baru, macam di Pulau Pinang dan beberapa tempat lain, pemerintah

telah mengambil tempat itu serta mengusahakan tanah-tanah yang tersebut.

JALAN BINJUL— MEMBAIKI PERMUKAAN

3. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila Kementerianya akan membaiki dan meninggikan permukaan jalan di Binjul (Batu 7½ dan 8½ dari Kuala Ketil ke Baling) untuk mengelakkan daripada banjir yang kerap berlaku.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, pembaikan jalan Binjul iaitu di antara Batu 7½ dan 8½ Jalan Kuala Ketil ke Baling ini telah dimasukkan ke dalam program membaiki jalan raya-jalan raya Persekutuan bagi tahun 1985. Oleh yang demikian, adalah diharapkan bahawa kerja-kerja membaiki jalan ini akan dapat dijalankan dalam tahun 1985 kelak.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Behormat Timbalan Menteri bagi memudahkan usaha membaiki jalan raya-jalan raya yang kerap dilanda banjir, adakah pihak JKR membuat siasatan dan mempunyai rekod terperinci di peringkat negeri atau kebangsaan semua jalan raya-jalan raya yang kerap dilanda banjir. Begitu juga dengan jalan raya yang kerap berlaku tebing runtuh.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita mempunyai rekod inilah maka kita rancangkan untuk pembinaan jalan ini pada tahun 1985 dan semua jalan-jalan yang terkena banjir memang ada dalam simpanan ataupun perhatian kita. Tetapi saya agak ragu, kita mungkin tidak ada rekod yang menyatakan ada kawasan yang selalu runtuh oleh sebab bila ada keruntuhan

tebing kita sentiasa membinanya semula, kita takut kalau ianya akan menjejaskan seluruh jalan raya.

PERPADUAN UMAT ISLAM— PERANAN JABATAN AGAMA

4. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah dan usaha yang telah dan akan dilakukan untuk menyelaraskan dan menyatukan sikap dan pendapat Jabatan Agama dan Majlis-majlis Agama Islam di seluruh Malaysia supaya lebih aktif dan berkesan dalam menghadapi persoalan-persoalan agama yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab menjadi Urusetia bagi mengadakan perjumpaan dan mesyuarat semua Jabatan Agama dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia ini untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran dan hukum yang berhubung dengan agama Islam serta mencari jalan dari semasa ke semasa untuk menyatupadukan umat Islam di Malaysia. Perjumpaan dan mesyuarat tersebut dikendalikan melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa dan Persidangan Ketua-ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang bukan beragama Islam ingin mempelajari aspek-aspek Islam juga untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik, akan tetapi pergaduhan berada di dalam negara kita, khususnya di antara pihak PAS dan UMNO. Soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan kesalahfahaman

supaya orang-orang bukan Islam bolehlah mendapat suatu gambar yang disatukan?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan ialah apakah usaha yang dibuat oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan sikap dan juga pendapat supaya dapat disatukan dan diselesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Islam. Soalan yang dikemukakan adalah sama sekali lain daripada soalan asal yang dibangkitkan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah masalah yang riuh-rendah dalam negara kita sekarang, iaitu masalah kafir-mengkafir ini pernah dibincangkan oleh pihak Jabatan Agama, pihak peringkat Persekutuan dan dirujukkan perkara ini kepada Jabatan-jabatan Agama seluruh Malaysia untuk mengambil apa pandangan ataupun tindakan mereka kerana terbukti sekarang ini ternyata dengan pembatalan debat antara PAS dengan UMNO ini ada campurtangan dan keputusan daripada Jabatan-jabatan Agama seluruh Malaysia?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah salah satu daripada perkara-perkara yang telah pun dibincangkan oleh, pertama, Muzakarah Mufti-mufti daripada seluruh Negeri di Malaysia ini dan ia juga telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat, seperti Mesyuarat Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis-majlis Agama dan juga perbincangan-perbincangan di antara Kadi-kadi dan Pegawai-pegawai Agama sebagai satu perkara yang penting diketahui dan diselesaikan.

Walau bagaimanapun, tentulah kalau ditinjau dari aspek hukum atau pelaksanaan hukum terhadap isu yang seperti ini, ia memerlukan kepada beberapa urusan yang lebih lanjut, seperti keterangan yang nyata bahawa mereka yang menuduh seseorang itu kafir jelas.

Apabila jelas, maka sudah tentulah pihak-pihak yang berkaitan dengan Pentadbiran Hukum Syarak akan membuat keputusan. Dari segi perbincangan, ia telah dibuat dan salah satu daripada perbincangan yang dibuat itu ialah sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh Pemangku Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang telah dikeluarkan pada 4hb Julai, 1963 dahulu yang telah menyatakan dengan jelas bahawa kafir-mengkafir adalah bertentangan dengan ajaran Islam sendiri dan perkara-perkara yang berlaku pada masa-masa yang akhir ini yang berkaitan dengan debat itu tidaklah ada kaitan dengan perbincangan-perbincangan yang berlaku dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut kerana mesyuarat tersebut menumpukan kepada masalah-masalah yang penting diketahui oleh masyarakat Islam sepenuhnya dari semasa ke semasa.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat segelintir pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam yang terlalu bersimpati terhadap perjuangan parti-politik Pembangkang, terutamanya PAS sehingga mereka ini sanggup menamatkan ataupun memberhentikan tauliah mengajar agama kepada guru-guru yang menyokong Kerajaan dan memperbanyakkan lagi pemberian tauliah-auliah mengajar ini kepada guru-guru yang bersimpati terhadap perjuangan PAS sehingga guru-guru agama ini menjadi seolah-olah seperti kata orang "naik tocang" dan sanggup mengkafirkan orang-orang UMNO di

dalam ceramah-ceramah dan kelas-kelas agama Islam. Mereka sanggup mengeluarkan fatwa bahawa kalau berjuang dengan orang UMNO, maka perjuangan mereka itu adalah jihad dan jikalau mereka mati di dalam perjuangan itu, maka kematian mereka adalah syahid. Jika sekiranya Kerajaan sedar tentang adanya perbuatan-perbuatan daripada setengah ataupun segelintir kakitangan Agama ini, apakah tindakan-tindakan yang harus dilaksanakan oleh Kerajaan, terutamanya Bahagian Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk membanteras kegiatan-kegiatan seumpama itu?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan urusan-urusan keislaman di peringkat Pusat. Adapun urusan-urusan yang berkaitan dengan pegawai-pegawai dan juga urusan agama di negeri-negeri, maka ianya diuruskan oleh Majlis Agama di setiap buah negeri, termasuklah urusan-urusan yang berkaitan dengan mereka yang mengajar tanpa tauliah atau mereka yang menjalankan urusan-urusan yang bertentangan dengan etika pentadbiran. Kalau mereka membuat urusan yang bertentangan dengan etika pentadbiran, maka sudah tentulah mereka boleh diambil tindakan oleh pihak negeri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri sedar apa yang berlaku di seluruh negara tentang perkara itu. Maka usaha yang dibuat oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri ialah untuk menekankan masalah-masalah ini supaya dapat kita ikuti dan dicari jalan penyelesaiannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Justine anak Temenggong Jinggut.

(Soalan No. 5 Y. B. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut tidak hadir)

TAMBAK KEDUA ANTARA JOHOR-SINGAPURA

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah tambak kedua akan dibina untuk memudahkan perdagangan dan pengangkutan antara Malaysia dan Singapura memandangkan berlakunya kerap kali kesesakan teruk di tambak yang sedia ada.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membina tambak kedua bagi menghubungi Malaysia dengan Singapura.

Dr Chen Man Hin: Adakah beliau faham atau sedar tiap-tiap hari, khususnya hari Kelepasan atau hari Sabtu dan Ahad atau hari Jumaat juga, tambak itu sangat sesak dan orang-orang motorist atau pemandu kereta kalau mahu masuk ke negara kita mahu menunggu 1 jam, 2 jam sampai 3 jam baru boleh masuk. Oleh sebab itu, saya harap Kerajaan boleh menimbang perkara ini. Dan juga, adakah beliau faham Wilayah Barat, misalnya Pontian selalu mengundur (backward). Oleh sebab itu, kalau ada lagi tambak baru, iaitu tambak kedua, tempat itu boleh dimajukan lebih cepat.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itupun saya faham tetapi saya takut yang saya jawab ini Yang Berhormat tak faham. Saya cakap Kerajaan tidak ada rancangan hendak buat. Dan kalau kita hendak timbang daripada hujah Yang Berhormat itupun 2 hari sahaja dalam seminggu, 5 hari tak sesak, 2 hari yang sesak. Kalau 2 hari yang

sesak ini kita hendak buat satu tambak, tokok lagi, kalau 5 hari kita tambah banyak tambak lagi, sebab itu kita tak nampak keperluan dalam masalah ini, untuk ketika ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 7 Y. B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

PENUNTUT PERSENDIRIAN DI LUAR NEGERI—BILANGAN

8. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) berapa ramaikah penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi dari Malaysia yang menuntut di luar negeri secara persendirian. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu mengikut jumlah kaum; dan

(b) adakah Yang Berhormat Menteri akan memperkenalkan satu dasar baru supaya penuntut-penuntut persendirian pun mestilah mendapat kebenaran Kementerian Pelajaran terlebih dahulu jika mereka hendak menuntut di luar negeri supaya faktor-faktor kebajikan dan kegiatan mereka sentiasa dapat diuruskan oleh Kementerian Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri, termasuk pelajar-pelajar anjuran dan persendirian yang berdaftar dengan Penuntut Malaysia ataupun Kedutaan Malaysia pada tahun 1982 ialah 52,015 orang, dari jumlah itu 20.4% ialah pelajar bumiputera dan 79.6% ialah pelajar bukan bumiputera.

Jumlah pelajar-pelajar persendirian yang sebenarnya berada di luar negeri tidak dapat diberikan kerana tidak

semua pelajar-pelajar ini mendaftarkan diri dengan Jabatan Penuntut Malaysia. Institusi-institusi Pengajian Tinggi di luar negeri juga enggan memberikan data-data ataupun maklumat-maklumat yang dikehendaki atas alasan perkara itu melanggar peraturan-institusi-institusi pengajian masing-masing.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Pelajaran tadi beliau ada mengatakan tidak banyak penuntut-penuntut swasta mendaftarkan diri di Pejabat Duta Malaysia di luar negeri. Adakah pihak Kementerian membuat kajian untuk menentukan apa sebabnya mereka enggan untuk mendaftarkan?

Soalan yang kedua, bagi mereka yang telah mendaftarkan di Pejabat Duta Malaysia di luar negeri, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk menjaga kepentingan mereka dari segi kebajikan dan pembantuan yang perlu bagi mereka supaya taraf kehidupan mereka di luar negeri amat selesa dan adakah pihak Kementerian membuat cadangan untuk memberi sumbangan dari segi kewangan bagi mereka yang menghadapi kesulitan di luar negeri?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan sebagaimana yang saya telah sebut dalam jawapan saya tadi pihak Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri memang berusaha untuk mencari nama-nama mereka yang datang secara persendirian, namun saya sebutkan tadi institusi pengajian tinggi di luar negeri enggan memberi kerana ini ialah bertentangan dengan dasar institusi-institusi tersebut dan sebab yang saya berikan lain ialah pelajar-pelajar ini tidak mendaftar dengan Pejabat Penuntut Malaysia di luar negeri.

Mengenai soalan yang kedua sama ada Kementerian berusaha untuk menentukan penuntut-penuntut luar yang dalam keadaan rumit, yang tidak ada wang dan sebagainya yang perlu bantuan akan ditolong, kita sentiasa berusaha. Kalaulah mereka itu di bawah jagaan Kementerian dan mendapat bantuan biasiswa daripada Kementerian Pelajaran, kita memang berusaha untuk menentukan supaya mereka itu dalam keadaan yang baik. Namun demikian ada juga meeka yang datang bersendirian dan di bawah sponsorship, dengan izin badan-badan lain, mereka ini terserah kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yew Foo Weng: Yang Berhormat tidak jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana?

Tuan Yew Foo Weng: Soalan saya ialah bagi mereka yang pergi dengan daya upaya sendiri, bukan bagi mereka yang mendapat biasiswa, tetapi jawapan itu mengenai penuntut yang mempunyai biasiswa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada jawapan saya beri tadi menyentuh mengenai mereka yang datang persendirian.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada dapat tahu Malaysia Hall di London telah ditutup. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu apa cadangan-cadangan Kerajaan ada untuk menggantikan kemudahan-kemudahan Malaysia Hall yang ditutup?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa terdapat kesukaran untuk memasuki universiti-universiti di luar negeri kepada ramai penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan disebabkan tempat-tempat mereka telah diambil oleh penuntut-penuntut swasta?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kesukaran untuk kita mendapat maklumat ataupun pendaftaran penuntut-penuntut swasta di luar negeri kerana dasar institusi sendiri dan penuntut-penuntut tidak mahu mendaftar dengan Jabatan Penuntut. Jadi adakah Kementerian bercadang supaya sebelum penuntut-penuntut persendirian itu pergi menuntut secara persendirian mereka dimestikan untuk mendaftarkan dengan Kementerian Pelajaran ataupun Kerajaan terlebih dahulu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sepatutnya saya jawab tadi sebahagian daripada jawapan asal. Setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi mempunyai dasar mensyaratkan penuntut-penuntut persendirian mendapatkan kebenaran Kementerian ataupun mendaftar dengan Kementerian sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Namun begitu, Kementerian Pelajaran sedia memberi nasihat dan penerangan kepada mana-mana pelajar untuk menjaga kebajikan dan kepentingan mereka semasa melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Mengenai yang pertama, kesukaran yang dihadapi oleh Kerajaan masa menghantar pelajar-pelajar ke luar

negeri, saya rasa setakat ini belum kita menghadapi masalah itu dan tidaklah kehadiran pelajar-pelajar persendirian itu menyekat kemaraan kita untuk menempatkan pelajar-pelajar yang kita anjurkan ke institusi pengajian tinggi di luar negeri.

EKSPORT BARANG PERKILANGAN MALAYSIA

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah nilai eksport barangan perkilangan Malaysia, seperti kimia, peralatan jentera, Elektrik dan elektronik serta keluaran-keluaran petroliaam bagi keseluruhan tahun 1983 dan enam bulan pertama tahun 1984. Nyatakan negara-negara manakah yang menjadi pengimport utama barang-barang itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, eksport barang-barang perkilangan Malaysia telah meningkat dengan pesat sebanyak 27.6% menjadi M\$9,497.5 juta dalam tahun 1983 berbanding dengan pertambahan sebanyak 16.1% dalam tahun 1982. Perangkaan yang telah disediakan bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1984 juga menunjukkan kenaikan yang menggalakkan bagi eksport barang-barang perkilangan iaitu sebanyak 23.9% menjadi \$5,355.6 juta berbanding dengan nilai eksport sebanyak \$4,321.5 juta dalam tempoh yang sama tahun 1983.

Kenaikan eksport barang-barang perkilangan dalam tahun 1983 dan 6 bulan pertama tahun 1984 adalah hasil daripada kenaikan yang nyata dicatatkan oleh kesemua kegunaan eksport barang-barang perkilangan, yang didahului terutamanya oleh pertumbuhan yang pesat dalam

eksport keluaran petroleum, kelengkapan-kelengkapan pengangkutan dan jentera serta perkakas dan alat ganti elektrik.

<i>Barangan Eksport</i>	<i>Nilai (\$ juta)</i>
Komponen elektronik	\$3,880.7
Perkakas elektrik	\$ 300.3
Lain-lain jentera elektrik	\$1,159.8
Kelengkapan pengangkutan	\$ 337.8
Makanan	\$ 538.6
Tekstil, pakaian dan kasut	\$ 943.4
Keluaran kayu	\$ 493.0
Keluaran getah	\$ 99.2
Keluaran petroleum	\$ 621.5
Bahan kimia dan keluaran kimia	\$ 295.4
Keluaran galian bukan logam	\$ 103.4
Keluaran logam	\$ 242.3
Lain-lain barang perkilangan	\$ 482.1

Manakala kedudukan bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1984 pula adalah seperti berikut:

<i>Barangan Eksport</i>	<i>Nilai (\$ juta)</i>
Komponen elektronik	\$2,103.0
Perkakas elektrik	\$ 213.3
Lain-lain jentera elektrik	\$ 639.0
Kelengkapan pengangkutan	\$ 177.1
Makanan	\$ 317.8
Tekstil, pakaian dan kasut	\$ 512.8
Keluaran kayu	\$ 220.3
Keluaran getah	\$ 55.9
Keluaran petroleum	\$ 450.9
Bahan kimia dan keluaran kimia	\$ 202.7
Keluaran galian bukan logam	\$ 51.7
Keluaran logam	\$ 150.4
Lain-lain barang perkilangan	\$ 260.7

Negara-negara yang menjadi pengimport utama barang-barang perkilangan Malaysia ialah Amerika syarikat, Jepun, Singapura, Hong Kong dan negara-negara EEC.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berasaskan kepada prestasi eksport yang kukuh pada tahun 1984, barang-barang kimia dan pengeluaran petroleum menduduki

tempat yang keberapa terbesar dari kumpulan barang-barang perkilangan yang dieksport?

Yang kedua, bagaimanakah perbandingan pertumbuhan eksport jentera bukan elektrik di antara tempoh 6 bulan pertama tahun 1984 dengan tempoh yang sama tahun lepas. Jika merosot atau meningkat, apakah sebab-sebabnya? Terima kasih.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir untuk memudahkan Yang Berhormat membuat perbandingan tentang angka ini kalau dizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menyampaikan selepas daripada Majlis ini untuk dibandingkan bagaimanakah kedudukan barang-barang elektrik umpamanya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tentang soal yang pertama berhubung dengan soal kimia, saya tidak dapat hendak memastikan kedudukan sebenar tetapi umumnya ia merupakan salah satu daripada bahan-bahan terpenting eksport kita. Kalau mengikut angka yang telah pun saya sebutkan bagi 6 bulan pertama tahun 1984 umpamanya boleh dikatakan hasil keluaran kimia ialah sebanyak \$202.7 juta berbanding dengan keluaran-keluaran lain, ada yang lebih besar daripada itu tetapi boleh dikatakan mungkin menduduki tempat yang pertengahan dari jenis barang-barang yang lain.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya dasar "counter trade" juga bertujuan untuk menambahkan lagi jumlah eksport negara kita. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa peratuskah sumbangan dasar "counter trade" ini dalam tambahan eksport yang disebut

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pada tahun 1984 kenaikan sebanyak 23.9%.

Dan saya juga ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa dengan adanya dasar "counter trade" ini pengeksporth-pengeksporth kita akan bergantung kepada usaha Kerajaan untuk mendapatkan pasaran yang lebih di luar negeri. Terima kasih.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi notis tentang berapa banyak daripada keseluruhan jumlah eksport itu adalah hasil daripada usaha "counter trade" yang dijalankan oleh kita.

Sebenarnya usaha "counter trade" hanya baharu bermula tahun lepas dan kejayaan daripada dasar itu masih belum dapat kita ukur. Sebahagian besarnya adalah disebabkan ataupun penglibatan pihak Kerajaan sendiri daripada segi kontrak-kontrak tender yang telah diperolehi dengan negara-negara luar seperti Rumania, Yugoslavia dan sebagainya. Peratusannya tidak dapat saya nyatakan.

Keduanya daripada segi "counter trade" sebagaimana soalan Ahli Yang Berhormat tadi, memanglah kita merasakan bahawa pada umumnya usaha pengeksporthan barang-barang perkilangan dan barang-barang hasil negara kita akan bergantung kepada sistem tradisional iaitu penjualan secara langsung yang biasa kita amalkan sejak beberapa puluh tahun yang lalu. "Counter trade" merupakan satu cadangan baharu usaha perniagaan timbal-balas untuk menyokong perdagangan berdasarkan kepada cara-cara yang lama. Oleh sebab itu, saya tidak fikir bahawa ahli-ahli perniagaan kita, pengeksporth kita boleh bergantung semata-mata kepada usaha "counter trade".

TOL JALANRAYA

10. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah dasar Kementeriannya dalam pelaksanaan tol jalan raya di dalam negara kita dan sama ada tol akan dikenakan hanya apabila ada suatu jalan gantian (alternative roadway) kepada jalanraya yang ada tol.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong yang telah saya jawab di Dewan ini pada 18hb Oktober 1984 yang lalu, saya tidak bercadang untuk hendak menjawabnya lagi.

PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA

11. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia di Australia dan apakah pandangan Kerajaan Australia terhadap masalah ini terutama sekali berkenaan kenaikan yuran pelajaran baru-baru ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia di Australia sama ada pelajar-pelajar tajaan Kerajaan mahupun pelajar-pelajar persendirian. Masalah tersebut ialah pertama pada masa ini Kerajaan Australia telah menghadkan kepada pelajar-pelajar kita tempat belajar dalam kursus-kursus Sains Professional seperti perubatan, kejuruteraan dan seni-bina.

Yang kedua ialah Kerajaan Australia juga telah menaikkan sebanyak 15% yuran belajar seberang laut kepada pelajar-pelajar Malaysia. Mengenai masalah yang pertama Kerajaan Malaysia akan mengkaji

kursus-kursus professional yang belum kita iktiraf di Universiti-universiti di negara itu untuk dipertimbangkan pengiktirafannya. Ini bertujuan untuk memperbanyakkan lagi peluang tempat belajar kepada pelajar-pelajar kita di negara tersebut.

Keputusan Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran pelajar seberang laut adalah merupakan dasar dan urusan dalam negeri Kerajaan tersebut. Namun begitu, Kerajaan Malaysia telah meminta kerjasama Kerajaan Australia supaya kenaikan yuran ini dikenakan kepada pelajar-pelajar yang baharu sahaja. Kerajaan Australia telah bersetuju untuk mempertimbangkan permintaan kita ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, kalau kenaikan bayaran ini di London ada juga tabung yang diusahakan ataupun ditubuhkan. Jadi apakah di Australia ini Kerajaan Malaysia bercadang untuk menubuhkan satu tabung daripada pengusaha-pengusaha Australia yang ada di sini untuk memberi bantuan kepada pelajar kita yang ada di Australia kerana tindakan Kerajaan Australia itu kita tidak dapat buat apa, tetapi kita mungkin dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pelajar kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh kita pertimbangkan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Timbalan Menteri tadi ada menyebut dua masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di Australia. Adakah masalah ketiga seperti masalah "colour bar" mengenai "White Australia Policy" yang ada tentang dengan masalah ketiga itu yang dihadapi oleh pelajar kita di Australia.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mungkin (*Ketawa*).

TOL JAMBATAN PULAU PINANG

12. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di dalam ucapan beliau di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada bulan Mei, 1984 telah mengumumkan yang Kerajaan Persekutuan akan membenarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memungut tol Jambatan Negeri Pulau Pinang, jika ya, supaya menyatakan apakah persiapan-persiapan yang telah dibuat setakat ini bagi melaksanakannya.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai ucapan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dimaksudkan itu. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju pada perinsipnya untuk menyerahkan Jambatan Pulau Pinang yang sedang dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia sekarang ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang apabila ianya siap kelak. Ini tertakluk kepada beberapa syarat di mana antaranya ialah Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah membayar balik semua kos membina jambatan ini termasuk kos pinjaman yang semuanya dianggarkan sebanyak lebih kurang \$1.2 billion.

Sebagai cara untuk memenuhi syarat itu telah dicadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan usaha tebus-guna tanah di Pulau Pinang dan kawasan tanah yang ditebus-guna itu dijual dan hasilnya kelak digunakan untuk membayar balik kos jambatan Pulau Pinang serta kos pinjamannya. Selepas menjelaskan kos tersebut, maka Jambatan Pulau Pinang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sesudah itu baharulah Kerajaan Negeri Pulau

Pinang boleh menimbangkan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengutip tol di jambatan tersebut.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu tentang syarat-syarat ini, adakah Kerajaan Pulau Pinang menerima semua syarat ataupun membuat lain-lain cadangan.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, jambatan Pulau Pinang ini belum siap lagi. Bila jambatan Pulau Pinang akan siap nanti kita akan berunding dan saya percaya Ahli Yang Berhormat Pulau Pinang di kawasan Pulau Pinang ini akan mengetahui keputusannya nanti.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada jawapan Yang Berhormat timbalan Menteri yang berkenaan tadi, beliau ada mengatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dikehendaki membayar balik semua kos pembinaan dan pinjaman, adakah ini merupakan satu keadaan iaitu hak milik untuk jambatan, adakah itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau hak milik Kerajaan Pusat?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, jalan masih kekal sebagai jambatan ataupun jalan lebuh raya Malaysia tetapi yang kita bincangkan di sini ialah usaha memungut tol di atas jambatan yang berkenaan, sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta untuk jambatan ini dijadikan hak milik Pulau Pinang 100%, ini juga akan dibincangkan dalam syarat-syarat yang akan diputuskan di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Pusat.

HUTANG NEGARA— BAYARAN BALIK

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara yang ditanggung dan sila memberi angka-angka perpecahan berasingan bagi pinjaman asing dan dalam negeri;
- (b) nisbah servis hutang terbaru;
- (c) bahagian (proportion) hutang negara dalam ertikata peratus berbanding dengan keluaran kasar dalam negeri; dan
- (d) bukankah benar keadaan hutang kita telah sampai ke tahap genting dan jika ya, sila nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan (a), sehingga 30hb Jun, 1984 jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$54.5 ribu juta yang terdiri, seperti yang pernah saya katakan, daripada \$19.0 ribu juta hutang sumber luar negeri dan \$35.5 ribu juta dari sumber dalam negeri.

(b) Nisbah bayaran balik hutang luar negeri bagi Kerajaan Persekutuan adalah dijangka sebanyak 6.5% bagi tahun ini dan nisbah ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

(d) Tahap hutang Kerajaan belumlah dianggap sebagai sampai ke paras yang membahayakan kedudukan ekonomi negara. Namun demikian, Kerajaan sentiasa berwaspada dalam membuat pinjaman-pinjaman terutamanya dari luar negeri. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah mengkaji semula aktiviti dan program

yang sedang dan akan dilaksanakan di mana projek-projek yang produktif sahaja diluluskan.

(c) Yang sengaja saya tinggalkan tadi, sebenarnya jumlah hutang Kerajaan Persekutuann yang berjumlah sebanyak \$54.5 ribu juta itu merupakan 71% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi tahun 1984 tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menerangkan sedikit di sini kerana kalau saya tidak terangkan jawapan ini, mungkin memberi satu anggapan yang salah.

Sebenarnya di dalam mempersoalkan bahagian (ratio) hutang negara dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) tidak ada erti yang bermakna, sebab hutang itu adalah dibayar di dalam masa yang tertentu mengikut berapa lama hutang itu patut kita jelaskan.

Yang penting dari segi hutang ialah jumlah bayaran bagi tiap-tiap tahun, sedangkan dalam kiraan GDP ini, adalah dari segi kiraan tiap tahun ertinya yang lebih penting ialah mengetahui proportion, dengan izin, ataupun bahagian bayaran hutang setahun termasuk faedahnya berbanding dengan GDP. Ini ratio yang lebih penting daripada mendapat tahu ataupun mengetahui ratio hutang negara dengan GDP sebenarnya. Jadi kalau kita kira bayaran setahun campur faedah dibandingkan dengan GDP, ini adalah dalam lingkungan 8% sahaja.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada benar Kerajaan telah beberapa kali gagal membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperolehinya dalam tempoh yang tidak ditetapkan. Jika ya, nyatakan jumlah kali perkara seumpama ini telah berlaku dan sama ada akibat ini syarat-syarat baru telah dikenakan oleh mereka kepada negara kita.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya teragak-agak apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya rasa soalnya, pernahkan kita tak bayar. Saya rasa tak pernah kita tak bayar, kita sentiasa membayar hutang-hutang ini di dalam jangka waktu yang ditetapkan. Maka itulah, Tuan Yang di-Pertua, bagi negara kita amat senang kalau hendak membuat pinjaman-pinjaman dari negara asing ataupun dari dalam negeri, ertinya, dengan izin, we are very good paymasters.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan jumlah hutang yang ditanggung oleh negara kita, jadi saya ingin tahu di masa yang akan datang sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhajat untuk menambahkan lagi pinjaman hutang luar negeri ini untuk membiayai projek-projek pembangunan kita dan adakah kedapatan negara-negara luar ataupun institusi kewangan yang lain yang sanggup dan bersedia memberi pinjaman kepada Kerajaan kita?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat dari anggaran yang sedang pun kita bincangkan sekarang ini, pendapatan kita adalah kurang daripada perbelanjaan yang akan kita buat bagi tahun 1985. Jadi ertinya terpaksa kita pinjam lagi untuk memenuhi keperluan perbelanjaan itu.

Soalnya sama ada semua pinjaman itu akan dibuat dari luar negeri ataupun sebahagiannya sahaja dari luar negeri, bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu. Walau bagaimanapun, kalau kita berhajat hendak meminjam dari luar negeri, insya Allah tidak kekurangan sumber.

Baru-baru ini misalnya sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Italy kita tak minta

apa-apa dengan tak semena-mena mereka telah tawarkan hutang kepada kita. Jadi ertinya oleh sebab kita ini sebuah negara yang selalu membayar dalam jangka waktu dan dianggap negara yang tidak begitu banyak hutang dibandingkan dengan negara-negara lain terutama sekali negara-negara yang sedang membangun, maka senang bagi kita membuat hutang-hutang ini kalau perlu.

KAYU BALAK—HARGA

14. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa harga kayu balak kita tidak dikongkong dan ditetapkan oleh negeri Jepun yang mana pada masa kini, Jepun menetapkan harga yang rendah sekali bagi kayu balak kita.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Paul Leong Khee Siong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara Jepun merupakan salah satu daripada negara-negara yang mengimport balak daripada Sabah dan Sarawak. Harga balak yang diperolehi di pasaran luar negeri seperti Jepun adalah tertakluk kepada faktor-faktor permintaan dan penawaran. Harga boleh juga dipengaruhi oleh persaingan dari kayu lembut atau softwood yang dibekalkan oleh negara-negara beriklim sederhana dan bekalan kayu tropika daripada negara-negara lain.

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi kayu balak termasuklah menjalankan pengurusan hutan yang berkesan supaya pengeluaran balak tidak berlebihan daripada yang dikehendaki oleh pasaran dan menggalakkan penubuhan lebih banyak kilang-kilang memproses balak di dalam negeri.

Berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mempertahankan harga kayu kayan, saya telah memberi jawapan yang terperinci pada 5hb November tahun ini dan pada 6hb November tahun ini juga.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu sungguhpun kebelakangan ini harga balak itu mendatangkan masalah iaitu harganya turun dan naik, saya hendak tahu adakah negeri-negeri yang berkenaan sebenarnya sungguhpun menghadapi masalah harga, yang meningkatkan eksport balak ke negara luar dan kalau ada mana-mana negerikah yang berbuat seperti itu dan tidakkah dapat Kerajaan Pusat melalui Kementerian beliau mengawal keadaan yang macam ini.

Datuk Paul Leong Khee Siong: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu adalah tidak wajar bagi saya menjawab soalan ini. Tetapi saya harap negeri-negeri boleh memenuhi Dasar Perhutanan Negara supaya kita boleh mendapat harga kayu balak yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam baris 3 ada kesilapan, "dan angkatan bersenjata awam dan angkatan bersenjata di negeri ini". Ada dua kali repetition.

Tuan Yang di-Pertua: Dua kali ya?

Tuan Karpal Singh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana hendak potong?

Tuan Karpal Singh: Potong yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua: “dan angkatan bersenjata di negeri ini”, potong. Sila jawab.

**PERKHIDMATAN AWAM/
ANGKATAN BERSENJATA—
PERASAAN PERKAUMAN**

15. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perasaan perkauman telah pun menjauhkan ahli-ahli dalam perkhidmatan awam, dan angkatan bersenjata awam. Jika ya, apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Adalah tidak benar adanya perasaan perkauman di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam dalam anggota-anggota Angkatan Bersenjata mahupun Awam dan begitu juga tidak terdapat tanda-tanda yang telah menjauhkan perhubungan antara ahli-ahli dan anggota-anggota dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab tadi tidak benar. Tetapi saya tanya, adakah benar perkauman timbul di dalam perkhidmatan awam dan Angkatan Bersenjata ini kerana diapi-apikan oleh satu pihak yang berkepentingan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebenarnya, perkauman atau perasaan perkauman dapat dikawal. Percubaan hendak mengapi-apikan itu barangkali ada tetapi kita menyekat kuat-kuat.

**RAKYAT MALAYSIA MELAWAT
MACAO/CHINA**

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ramai rakyat Malaysia yang telah pergi kerana melancong telah menghadapi

kesusahan untuk membaharui Pasport antarabangsa dengan Jabatan Imigresen setelah tamat tempoh-laku atas sebab mereka disyaki membuat lawatan sulit atau haram ke Negeri China daripada Macao. Apakah kedudukan sebenar perkara ini dan apakah Kementerian akan lakukan untuk memudahkan pembaruan pasport antarabangsa untuk mereka yang terlibat yang tidak pun membuat apa-apa lawatan ke China menerusi Tanah Jajahan Portugis itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang memiliki pasport Malaysia yang sah adalah dibenar melawat Macao. Mengikut perhatian Kementerian Dalam Negeri, rakyat Malaysia yang melawat Macao pernah membuat lawatan ke Republik Rakyat China tanpa mendapat cop khas dari Kerajaan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri terpaksa memeriksa dan meneliti Pasport Malaysia memiliki rakyat yang telah melawat Macao demi mengesan sama ada beliau melawat Republik Rakyat China tanpa cop khas dari Kerajaan atau tidak. Dalam hubungan ini, Kerajaan hanya menahan Pasport Malaysia sekiranya terbukti bahawa pemegangnya telah melawat Republik Rakyat China tanpa cop khas dari Kerajaan. Warganegara Malaysia yang benar-benar melawat Macao mengikut peraturan-peraturan dan procedure rasmi Kerajaan tidak akan menghadapi kesulitan apabila membaharui Pasport Malaysia mereka.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Soalan tambahan, bolehkah saya tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramaikah yang pergi ke Macao dengan tidak diketahui oleh Kementerian ini dan sekiranya ada, adakah tujuan hendak perbaharukan Pasport-pasport mereka itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan yang melawat Republik Rakyat China tanpa mendapat cop khas melalui Macao adalah tidak begitu besar. Untuk makluman, pada tahun 1982 terdapat 14 kes sahaja, 1983, 17 kes dan pada 1984 ini hanya 58 kes sahaja. Dan mereka yang didapati sah melawat Republik Rakyat China melalui Macao akan ditahan Pasport mereka dan tidak dibenar membuat sebarang lawatan luar negeri selama lima tahun dan juga akan dimasukkan nama mereka dalam senarai-senarai hitam. Itu tindakan yang kita ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 7 adalah diberi di bawah ini).

TANAMAN KOKO/KELAPA SAWIT/PADI DI ULU RAJANG

5. Tuan Justine anak Temenggong Jingjut minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa pembangunan yang besar-besaran seperti tanaman koko, kelapa sawit dan padi belum lagi diadakan di kawasan pendalaman di Sarawak, khasnya di kawasan yang mundur seperti Ulu Rajang. Dan adakah beliau bersedia untuk menambahkan peruntukan Kecil Luar Bandar (Minor Rural Project) oleh sebab-sebab yang berikut:

- (a) Perumahan di kawasan seperti ini lagi mempunyai taraf yang rendah juga kebanyakan daripada peruntukan ahli Parlimen sekarang diberi kepada rakyat adalah diguna untuk membeli alat-alat Perumahan dan Peruntukan ini tidaklah mencukupi; dan

- (b) taraf hidup rakyat di kawasan seperti ini adalah terlalu rendah dan hampir sekarang mereka hanya bergantung kepada Peruntukan Kecil itu sahaja.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Ulu Rajang, di negeri Sarawak terdapat empat badan-badan berkanun yang ditugaskan untuk membuka kawasan-kawasan pendalaman bagi pembangunan pertanian secara besar-besaran. Badan-badan Berkanun adalah seperti berikut:

- (a) Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB)
- (b) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)
- (c) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
- (d) Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah (LCDA)

Dalam menjalankan pembangunan pertanian secara besar-besaran di kawasan pendalaman di Sarawak, beberapa faktor hendaklah diambil kira, terutama sekali kesesuaian tanah bagi tanaman, sama ada kawasan tersebut senang dihubungi, dan taraf hakmilik tanah. Kawasan tanah yang sesuai untuk pertanian di seluruh Sarawak sudahpun dikenalpasti. Kerajaan menerusi badan-badan berkanun yang tertentu sedang mengkaji kawasan-kawasan yang dapat dibangunkan secara praktikal. Pada mulanya, kawasan-kawasan yang berdekatan dengan jalanraya ataupun dibekalkan dengan infrastruktur akan dimajukan dan akan diikuti dengan pembangunan di kawasan pendalaman.

Bagi Ulu Rajang yang mana kawasannya tidak dapat dihubungkan kecuali melalui Sungai Rajang, pelaksanaan pertanian secara besar-

besaran sudah tentu akan mengambil masa yang panjang. Tambahan pula ketiadaan kawasan pertanian yang luas menyulitkan lagi kemungkinan mengadakan kemajuan pertanian secara besar-besaran di kawasan ini.

Kerajaan memberi pelbagai projek kepada rakyat dalam sekim projek-projek kecil luar bandar seperti membina jalan kampung, jambatan, titian, jeti, parit simen dan lain-lain, dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat seberapa yang boleh. Bagi pembinaan rumah panjang yang baru Kerajaan sedia memberi kemudahan seperti pinjaman.

Kerajaan sedar bahawa rakyat di luar bandar memang hidup dalam keadaan yang tidak mencukupi. Cara hidup yang diamalkan oleh mereka sendiri seperti tinggal di dalam kelompok-kelompok yang kecil dan susah hendak dihubungi tidak membantu penyelesaian masalah kemiskinan. Justeru itu rakyat di luar bandar harus digalak untuk menerima konsep penempatan semua bagi menaikkan taraf hidup mereka dengan Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan asas.

RASUAH DI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN— PENDEDAHAN

7. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan telah memberi response yang positif kepada dakwaan dan pendedahan oleh Tuan Yang di-Pertua Persatuan Pan Malaysia Lorry Owners' Association iaitu Puan Zainab Ahmad Yang yang telah berani tampil ke hadapan untuk mendedahkan perlakuan rasuah di kalangan setengah-setengah pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Adalah diperakui kenyataan yang

dibuat oleh Yang di-Pertua Persatuan Pan Malaysia Lorry Owner' Association, Puan Zainab Ahmad Yang mengenai perlakuan rasuah di kalangan setengah pegawai dari Jabatan-jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam mendapat perhatian di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang serupa dengan soalan ini di Dewan yang mulia ini pada 8hb Oktober, 1984, dan lanjutan dari itu BPR belum lagi menerima bukti-bukti yang nyata dan sah dari mana-mana pihak, untuk membantu siasatan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN,
1985**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kedua).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5,
B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan
B. 12 (Jadual)—*

*Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran
Pembangunan, 1985)—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 15 hari sahaja untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran

Perbelanjaan di dalam Jawatankuasa. Dan kita ada 24 kepala untuk diselesaikan dalam tempoh itu. Oleh itu, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat pendekkan ucapan masing-masing dan saya mintalah jangan berucap di atas dasar.

Yang Berhormat dari Kepong, panjangkah lagi? Saya minta jangan panjang, kerana Yang Berhormat telah pun berucap selama 20 minit.

4.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya sambung pada B. 12 Butiran 1, Muka 46.

Saya hendak menekankan bahawa di dalam kempen untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia, kita tidak payah menimbulkan perasaan singgung di kalangan orang bukan Melayu. Begitu juga dengan kempen penggunaan Bahasa Malaysia yang bagus dan standard di dalam masyarakat orang Melayu, kita tidak harus mengakibatkan ketidakpuasan. Sekiranya perasaan singgung dan ketidakpuasan berlaku maka bukan sahaja masalah polarisasi kaum akan bertambah buruk, bahkan juga kempen tersebut akan gagal. Pada tempoh hari selain daripada arahan yang saya sebutkan semalam terdapat arahan-arahan yang lain seperti mengenai lagu sekolah, tarian kaum dalam sekolah, buku catatan Pengajaran, majalah sekolah dan sebagainya. Arahan-arahan seperti inipun telah mewujudkan kontroversi yang menyinggung perasaan.

Tuan Pengerusi, matlamat kita ialah untuk memupuk perpaduan nasional dan penggunaan Bahasa Malaysia. Kita mempunyai pelbagai cara untuk mencapai matlamat ini. Seandainya cara-cara paksaan dan cara hanya berpolitik semata-mata dilaksanakan, maka kaum-kaum yang tertentu akan merasakan hak asasi dan bahasa

ibunda akan terjejas. Nampaknya ada satu lagi Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara yang menjejaskan perpaduan ini di dalam Dewan yang mulia ini. Ada juga Ahli Yang Berhormat terutamanya dari pihak GERAKAN yang menjumpai Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan, Timbalan Menteri Pelajaran dan Menteri Pelajaran mengenai perkara dan akan tetapi tidak dapat menukarkan tanggapan dan tindakan Menteri tersebut, tidak seperti yang disarankan semenjak tahun 1982. Di sini saya berharap pihak-pihak yang tertentu, terutamanya dari GERAKAN akan menunjukkan bahawa mereka boleh memutarakan janji-janji yang telah dibuat di luar Dewan ini kepada rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 11, Butiran 1, muka 45. Pada 6hb November, 1984 tahun ini Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Badan Pencegah Rasuah akan menjalankan siasatan yang rapi terhadap matlamat yang diberi dengan adil ke atas seseorang itu. Saya telah membuat laporan kepada BPR mengenai penglibatan Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat dari Ulu Padas di dalam tiga syarikat iaitu, 2 Bersaudara Sdn. Bhd., 4 Bersaudara Sdn. Bhd. dan Sejati Sdn. Bhd. pada awal bulan Ogos ini. Setakat ini hasil siasatan dan keputusan daripada keterangan yang diperolehi belum diketahui.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi, Tuan Pengerusi, masa tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Dalam ucapan Yang Berhormat dari Kepong, Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan kedapatan tuduhan-tuduhan dari Pembangkang ini sudah dibuktikan, bahawa tuduhan-tuduhan mereka ini tidak betul. Saya mencabar Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini supaya

Tuan Pengerusi: Itu bukan penjelasan. Cabar mencabar itu bukan penjelasan.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tetapi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong berucap dalam perkara ini dan tiada kenamengena dengan apa yang kita bahaskan sekarang ini. Jadi, saya mengambil peluang, Tuan Pengerusi, mencabar dia supaya dia

Tuan Pengerusi: Saya tidak benarkan cabar-mencabar. Sila teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hanya membangkitkan hal ini kerana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membangkitkan hal ini dua hari yang lepas. Setakat ini, hasil siasatan dan keputusan daripada keterangan yang diperolehi belum diketahui. Saya tidak tahu bilakah BPR dapat menyelesaikan siasatannya. Di sini saya telah menerima beberapa maklumat dan saya berharap BPR dapat mengambil tindakan untuk menyasat dengan teliti maklumat-maklumat berikut untuk mengesahkan sama ada berlakunya perbuatan rasuah.

Tuan Pengerusi, estet-estet kelapa sawit di Pahang telah dibuka dan dibahagikan kepada blok-blok (sejumlah 50-60 blok) yang terdiri daripada 5,000 ekar seblok. Blok-blok

ini dijual kepada mereka yang mampu membeli. Daripada setiap blok yang terdiri daripada 5,000 ekar, 20% atau 1,000 ekar adalah disimpan sebagai peruntukan kepada pekebun-pekebun kecil atau orang-orang miskin yang tidak mempunyai tanah. Daripada 1,000 ekar itu, setiap keluarga miskin akan mendapat 10 ekar. Pekebun-pekebun kecil dan keluarga-keluarga miskin ini telah dikenakan bayaran yang patut menerima lot-lot yang diperuntukkan. Tetapi, setelah pembayaran, mereka tidak mendapat tanah yang dijanjikan kepada mereka. Ini bermakna sekumpulan orang yang korap telah menelan wang itu. Ini bererti juga bahawa mereka yang miskin adalah tertipu dan mereka yang kaya menjadi semakin kaya. Ini adalah amat tidak adil.

Saya menyeru supaya penyiasatan diadakan dengan serta-merta terhadap perkara ini. Penyiasatan hendaklah dilaksanakan ke atas pemilik-pemilik blok-blok itu di mana terdapat segolongan orang yang memiliki bukan hanya 1 blok yang terdiri daripada 5,000 ekar tetapi sekurang-kurangnya beberapa blok dan jumlah wang yang telah dibayar kepada mereka yang terlibat dalam kejadian ini. Saya juga ingin bertanya siapakah ahli-ahli Kerajaan yang terlibat di dalam kes ini. Saya adalah difahamkan bahawa pada Februari 1982, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LPKK) telah memperolehi satu pinjaman sejumlah \$37.5 juta yang telah diperundingkan oleh seorang ahli Exco Pahang. Pinjaman besar ini bertujuan membeli satu syarikat ladang swasta yang besar. Adalah menghairankan bahawa LKPP perlu meminjam untuk membeli ladang swasta dengan harga yang amat tinggi sementara negeri Pahang mempunyai kawasan-kawasan tanah yang begitu luas. Jumlah pinjaman sebanyak \$37.5 juta itu hanya dapat memperolehi 72% syarikat ladang

tersebut dan LKPP perlu menawarkan 2,280 ekar tanah untuk membayar 28% syarikat ladang yang baki.

Adalah didakwa bahawa berkaitan dengan pinjaman tersebut, jumlah wang yang terima sebenarnya adalah \$30 juta. Saya ingin bertanya apa terjadi dengan baki wang yang besar itu? Siapakah yang telah menelan wang itu? Adakah ahli Exco yang terlibat? Adakah pihak tersebut yang bertanggungjawab terhadap misteri wang pinjaman yang baki itu? Dan adakah jawatan beliau menyebabkan apa-apa halangan terhadap keberkesanan BPR dalam kes ini? Saya juga menyeru BPR supaya menyasat mengenai kebenaran dakwaan bahawa ahli Exco tersebut merupakan pengarah sekurang-kurangnya 28 syarikat. Adalah difahamkan bahawa semua ahli Exco tidak boleh terlibat dalam kegiatan-kegiatan perniagaan.

Saya adalah difahamkan bahawa Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) sedang merundingkan satu pinjaman sebanyak \$126 juta dengan Asiavest Merchant Bankers. Kerajaan negeri perlu menjamin pinjaman ini dan harta benda Pahang seperti hutan, tanah dan lain-lain boleh dikatakan terpaksa dijadikan cagar. Pinjaman luar negeri negara kita adalah dalam keadaan yang amat buruk dan adalah didakwa bahawa negeri Pahang adalah yang paling buruk sekali. Tujuan pinjaman Asiavest itu hanya untuk maksud menstruktur ASPA. Mengapakah Kerajaan negeri perlu meminjam semasa negeri Pahang adalah kaya dengan hutan dan tanah dan jika diuruskan dengan cekap dan rasuah tercegah, ia akan menghasilkan pendapatan yang tinggi. Adalah didakwa bahawa keadaan kewangan negeri Pahang adalah begitu buruk hingga mempunyai masalah membayar gaji kakitangan Kerajaan. Situasi ini perlu disiasat dengan telitinya.

Pada 1982, PKNP Pahang telah memohon untuk satu pinjaman sejumlah \$50 juta dari kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan perjanjian pinjaman tersebut telah ditandatangani pada 26hb Jun 1983. Adalah dipercayai bahawa pinjaman ini telah dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membiayai pembangunan projek Atabara Bandar Baru Kuantan. Adalah didakwa bahawa pinjaman ini telah digunakan untuk kegunaan-kegunaan lain. Saya adalah difahamkan bahawa tanah untuk pembangunan bandar baru itu telah diperolehi untuk 10 tahun tetapi geran-geran masih merupakan nama pemilik-pemilik yang asal kerana jumlah bayaran masih belum diselesaikan.

Saya ingin menyeru BRP supaya menyasat ahli-ahli Kerajaan negeri yang terlibat sama ada terdapat apa-apa penyalahurusan wang pinjaman itu. saya juga ingin bertanya mengapa jumlah pinjaman yang begitu besar telah diluluskan dengan begitu mudah.

Tuan Pengerusi, Maksud

Tuan Pengerusi: Saya ingat Yang Berhormat sudah bercakap panjang, saya minta Yang Berhormat gulungkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pada 17hb Oktober tahun ini 4 orang telah ditahan di Lapanganterbang Pulau Pinang kerana dakwaannya bahawa mereka menerima \$700,000 komisyen daripada pinjaman yang telah diaturkan oleh mereka dan sekarang keempat-empat orang ini telah pun dihadapkan ke mahkamah. Saya tidak tahu mengapa nama-nama mereka dirahsiakan dan dipertahankan oleh pihak Kerajaan kerana kes ini telah pun dihadapkan ke mahkamah.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang. Lepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.59 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap dalam Jabatan Perdana Menteri, Maksud Bekalan 12—Jabatan Perpaduan Negara iaitu Butiran 3—Perhubungan Masyarakat, yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bahawa Pekeliling Jabatan Pelajaran pada sekolah-sekolah Cina apabila syarahan (assembly) pagi itu hendaklah digunakan Bahasa Malaysia, dia tidak bersetuju. Ditambah oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi, janganlah menyakiti orang lain apabila hendak melaksanakan Bahasa Malaysia. Saya tidak nampak perkara ini merosakkan dan apakah cara-cara yang boleh menjadikan supaya Bahasa Malaysia ini betul-betul dijadikan bahasa perpaduan. Inilah satu-satunya jalan untuk memperpadukan rakyat negara ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap berkenaan dengan Maksud B. 1 Parlimen, muka surat 25, Butiran 1.1 Pentadbiran Am, perbelanjaan \$14,928,900 berkenaan dengan pentadbiran.

Saya dapati keadaan telah beransur baik di Parlimen ini terutama dalam pentadbiran am, Aturan Urusan Mesyuarat, ada dengan cepat, semalam sudah siap dan bagi diletak di atas meja. Begitu juga Penyata Rasmi dan bil-bil terletak dengan baiknya.

Tuan Pengerusi, Butiran 1.2 Mengurus dan Mentadbirkan Parlimen. Bangunan Parlimen ini telah wujud sejak 21 tahun dahulu, iaitu sejak tahun 1963 didirikan

Parlimen ini banyak perubahan-perubahan. Pada akhir-akhir ini ada Mini Zoo, tanaman pokok di sekeliling bangunan, gelanggang badminton, tennis, balai pengawal diperindahkan, pintu masuk dengan lambang Malaysia, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan saya mendapat tahu dan dimaklumkan kerja membina pagar dan pintu gerbang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Ini telah saya cadangkan atau saya usulkan pada tahun 1974, 10 tahun yang silam bahawa Parlimen ini mesti dipagar selepas kejadian tembak IGP dan Tugu dibom. Maka timbullah hasrat saya supaya dipagar, tetapi dipagarnya dengan pagar dawai sahaja. Maka sampailah masanya pagar yang begitu hebat sebagai lambang negara kita, kalau dapat diukir dengan ukiran kebudayaan kita di sekeliling pagar-pagar yang berharga bermillion ringgit itu.

Tuan Pengerusi, 20 tahun Parlimen ini didirikan, saya mintalah diperbaiki keadaan-keadaannya sedikit sebanyak, yang ada di Parlimen ini sudah tidak sesuai, misalnya jalan; jalan hendak ke Parlimen ini sudah 20 tahun, tarnya sudah hilang, tinggallah batu-batu yang timbul. Jadi kalaulah kereta yang di hadapan melentingkan batu, maklumlah jalan naik ke Parlimen ini curam, tentulah batu-batu melenting kepada cermin kereta yang di belakang. Oleh itu hendaklah diturap dengan tar yang baik mutunya supaya licin, bukan sahaja senang perjalanan kita ke Parlimen ini, tetapi para pelawat luar negeri kata: Sedangkan jalan pun cantik, apatah lagi Parlimennya.

Terdapat juga, Tuan Pengerusi, di sebelah sana pihak Kerajaan, sebelah kiri belakang ini bocor walupun carpet sudah diletak begitu hebat dan cantik, apabila kena hujan carpet ini rasa saya tentulah akan menempuh kerosakan sejak beberapa lama. Hendaklah

diganti atau kerosakan itu hendaklah diperbaiki. Saya percaya beberapa kali sedang Parlimen ini bersidang ada orang membaiki atap, berdentum sana; berdentum sini tetapi masih bocor juga lagi. Mengapa perkara ini terjadi?

Tuan Pengerusi, selain daripada itu di Parlimen ini tempat orang berjalan kaki, lantai di luar itu dilapik dengan tikar getah. Sebuah Parlimen setelah 20 tahun wujud tetapi lantainya tikar getah, orang kampung pun ada tikar getah. Ini bukan fasal hendak samakan dengan orang kampung, kita hendak menghebatkan, kalau dapat kita tarikkan tikar getah yang sudah koyak-koyak itu, yang sudah rosak kulit luarnya, yang sudah tinggal getah sahaja pun ada, warna sudah tidak ada, gambar tidak ada; dikeluarkan dan digantikan dengan marmar Langkawi, keluaran negara kita. Apabila orang-orang luar negeri berjalan, ini marmar mana, bukan marmar Italy tetapi marmar Langkawi, kita pun berjalan letup, letup, berkilat dan bersinar, Tuan Pengerusi.

Kita berasa megah apabila pelawat-pelawat datang ke negara kita ini menyaksikan Parlimen yang akan ada pintu gerbangnya, pagar begitu hebatnya, dalam batu marmarnya, tetapi kebocoran itu hendaklah diperbaiki. Kalau tidak, sewaktu orang melawat, hujan bocor menitik pula atas kepala orang-orang yang melawat itu besok, itu lagi hina kita.

Tuan Pengerusi, Parlimen ini pada masa akan datang akan ditambah bangkunya apabila lulus untuk menambah lagi kawasan Parlimen. Saya harap janganlah bangku-bangku ini dikedirikan lagi, biarlah macam keadaan ini tetapi olahlah caranya supaya selesa kedudukannya, lebih-lebih lagi apabila sesi Pembukaan Parlimen oleh Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita duduk sangat rapat betul bangku itu.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 7 Jabatan Perdana Menteri, muka surat 34, Butiran 4 berkenaan dengan Keselamatan.

Saya telah bercakap sedikit dahulu dalam membahaskan Belanjawan tetapi pada hari ini dalam Jawatankuasa, dalam usaha kita hendak mengawal keselamatan pemimpin-pemimpin negara kita hendaklah diperketatkan lagi, misalnya para Menteri-menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya. Kita tahu tugas-tugas beliau yang amat penting di Bangsa-bangsa Bersatu, beliau telah menyarankan untuk mewujudkan kedamaian, keadilan, kemakmuran dan keadaan yang lebih selamat di dunia sebagaimana kawat yang diterima oleh beliau daripada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Biasanya sebagai seorang pemimpin yang inginkan kedamaian dunia terutama di negaranya sendiri, sentiasa dicabar nyawanya, contohnya baru-baru ini mendiang Indira Ghandi di India, dan lain-lain kejadian yang telah berlaku sejak dahulu lagi.

Oleh itu lagi sekali saya cadangkan Kerajaan mengawal dengan rapi keselamatan peribadi para Menteri dan Perdana Menteri kita. Kita tidak ingin kejadian berlaku seperti di negara-negara lain yang saya nyatakan tadi. Sebelum kemungkinan perkara ini berlaku, marilah kita memikirkan perkara ini dengan seriusnya supaya sebagaimana kata pepatah: Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. Sediakan payung sebelum hujan.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam, muka surat 39 Butiran 3—Perjawatan.

Tuan Pengerusi, dalam usaha Kerajaan meninggikan penyertaan bumiputera dalam lapangan

perniagaan sepertimana yang dicita-citakan untuk mendapatkan matlamat Dasar Ekonomi Baru, satu darinya saya berpendapat supaya kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "C" dan "D" tidak harus kita lupakan. Ini memandangkan Kumpulan inilah yang terlalu ramai berminat dalam lapangan perniagaan ini, kemungkinan dengan adanya pendapatan mereka yang terhad serta tanggungan yang berat. Oleh itu pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, hendaklah Kerajaan wajar untuk menimbang serta mencari satu kaedah baru supaya mereka itu diberi satu peluang jalan keluar untuk membolehkan mereka itu memilih di antara satu, yakni boleh memperoleh wang pencen dan juga boleh berniaga.

Justeru itu, saya dengan ini mencadangkan supaya kakitangan dalam Kumpulan "C" dan "D" ini diberi satu kelonggaran supaya mereka boleh memohon untuk bersara apabila mereka genap berkhidmat 21 tahun sepertimana Angkatan Tentera. Andainya bilangan 21 tahun itu tidak wajar, maka saya mencadangkan bagi kakitangan Kerajaan (Civil servants) dalam Kumpulan "C" dan "D" ini apabila mereka genap berkhidmat 25 tahun boleh memohon untuk bersara dengan tidak perlu menunggu sampai meningkat ke umur 50 atau 55 tahun. Saya pohon mendapat pertimbangan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap di sini dari segi penerapan nilai Islam. Penerapan nilai Islam ini, saya harapkan Pusat Islam kita telah ada begitu hebatnya apabila bangunannya akan siap. Satu daripadanya kita hendak menerapkan nilai Islam ini daripada jiwa. Jiwa dan sanubari ini diisi dengan semangat keislaman barulah datangnya sebagaimana kata sahabat saya, saya kata dengan pakaian, bukan. Rupanya daripada jiwa. Apabila jiwa sudah ada penerapan Islam, maka timbullah pakaian, timbullah tidak mahu

bersalam dengan yang bukan muhrimnya. Ini patutnya janganlah ditayang-tayangkan walaupun kita memberi hadiah, pihak pemimpin berjumpa dengan wanita, bersalam. Itu sudah haram, tetap haram. Itulah nilai Islam. Jadi pada pakaian, begitu juga syarahan-syarahan, Jabatan Perdana Menteri hendaklah berbuat di tempat yang perlu dibaiki yang sudah teruk. Pendek kata kalau dapat adakah bahagian Hal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini, kalau dapat bangunan yang begitu besar dan indah dipanggil wakil tiap-tiap Jabatan Hal Ehwat Ugama Islam Negeri-negeri itu ada wakil negeri Jabatan Ugama Islam Malaysia ini, supaya senang dihubungi sebagaimana di Malaysia ini ada Jabatan Hal Ehwat Ugama Sarawak, Jabatan Hal Ehwat Ugama Sabah. Begitu juga dibuat kepada Jabatan Hal Ehwat Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini.

Tuan Pengerusi, kita perlu mengisi jiwa kita dengan Islam tetapi kita perlu meneliti pasukan-pasukan tentera kita dan polis. Kalau dibuat soalan peperiksaan berkenaan Islam, fardu ain yang rendah-rendah, ada yang tidak lulus. Saya dapat makluman 30% daripada polis yang dikutip pada beberapa tahun yang lalu tidak mengerti sembahyang, tidak mengerti mandi dan sebagainya. Tetapi apabila Ketua Polis Negara pada masa itu mengumpulkan mereka dibuat pula kursus agama Islam, maka apabila mereka keluar daripada Depo barulah mereka ada semangat Islam sedikit sebanyak dibekalkan daripada pihak polis.

Tuan Pengerusi, saya tamatkan ucapan saya, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab.

4.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa pertanyaan, memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara yang ada di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan Belanjawan 1985 di peringkat Jawatankuasa.

Di bawah beberapa butiran, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebutkan beberapa perkara yang saya akan jelaskan mengikut tajuknya sahaja.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) terus bertindak ke atas surat-surat layang yang diterima olehnya. Sukalah saya menyatakan perkara ini adalah tidak benar. Setiap surat layang yang diterima oleh Badan itu akan ditapis, dikaji dengan teliti untuk memastikan kebenaran sesuatu tohmahan ataupun tuduhan yang dibuat itu. Hanya selepas tohmahan atau tuduhan itu disahkan betul barulah Badan itu akan menjalankan siasatan lanjut untuk mengumpulkan bukti-bukti yang berkaitan supaya tindakan undang-undang dapat diambil ke atas mereka yang terlibat.

Menyentuh tentang tafsiran rasuah serta takrif derma ataupun hadiah yang masih tidak jelas di kalangan rakyat sukalah saya menerangkan bahawa tafsiran yang mendalam mengenai suapan (gratification) ada dijelaskan satu persatu di dalam Seksyen 2 Akta Pencegah Rasuah, April, 1961. Untuk memastikan supaya orang ramai memahami tafsiran suapan tersebut, para Pegawai

BPR yang menyampaikan ceramah-ceramah pencegah rasuah selalu menerangkan pengertian suapan kepada para peserta ceramah. Perkara yang berkaitan dengan derma dan hadiah adalah termasuk dalam takrif suapan supaya yang disebut dalam Akta Pencegah Rasuah 1961. Tetapi suapan sahaja tanpa ada hubungan dengan niat rasuah tidak menjadi sesuatu kesalahan. Perbuatan rasuah diertikan sebagai satu benda yang dilaku dengan niat jahat (evil). Dari itu pemberi ataupun penerima derma atau hadiah yang kecil-kecil tanpa tujuan dan niat yang jahat itu adalah tidak menjadi satu kesalahan rasuah.

Tuan Pengerusi, menyentuh supaya tindakan dan hukuman yang berat dikenakan kepada si pemberi rasuah, sukalah saya menjelaskan bahawa Akta Pencegah Rasuah 1961 telah pun memperuntukan hukuman yang berat kepada mereka yang memberi rasuah. Hukuman ini adalah cukup untuk dikenakan terhadap mereka yang melakukannya. BPR sentiasa bersedia mengambil tindakan ke atas mereka yang memberi rasuah apabila menerima sesuatu pengaduan berkenaan dengan kejadian itu. Seksyen 12 Akta Pencegahan Rasuah, 1961 memberi peruntukan bahawa pegawai dan kakitangan awam yang ditawarkan rasuah hendaklah membuat pengaduan dengan seberapa segera yang boleh kepada pihak yang berkuasa yang berhampiran agar tindakan dapat diambil secepat mungkin. Walaupun bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan awam yang tampil ke hadapan membuat aduan adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan bilangan orang awam dan ahli-ahli perniagaan yang membuat pengaduan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan awam yang meminta rasuah, adalah diharapkan supaya lebih ramai pegawai-pegawai dan kakitangan awam tampil ke hadapan membuat aduan jika ada apa-apa tawaran

pemberian rasuah oleh mana-mana orang awam kepadanya semasa menjalankan sesuatu tugas jabatan agar tindakan yang tegas dapat diambil ke atas si pemberi rasuah.

Suka saya menjelaskan bahawa tidaklah benar rasuah terus berkembang di negara ini tanpa kawalan yang menyeluruh seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Walaupun perangkaan pada dasarnya menunjukkan peningkatan kes-kes siasatan dan tangkapan orang-orang yang terlibat dengan rasuah, ianya tidak menggambarkan bahawa rasuah sedang pesat berkembang di negara ini. Keadaan ini berlaku kerana pihak BPR telah mempergiatkan usaha-usaha pencegahan. Yang boleh menyedarkan rakyat tentang bahaya dan keburukan rasuah yang mana ianya dapat mendorong rakyat yang mempunyai sesuatu maklumat berkaitan dengan perbuatan rasuah untuk tampil ke hadapan menyampaikan maklumat tersebut kepada Badan itu. Kerjasama yang erat di antara orang ramai dan Badan itu sudah tentu dapat meningkatkan lagi prestasi BPR dari segi mencegah dan mengawal segala bentuk perbuatan rasuah yang berlaku di negara ini.

Saya ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerai adalah kurang tepat bahawa Ahli Yang Berhormat menyangkakan bahawa BPR tidak mengambil tindakan ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh orang awam kepada Badan tersebut sekiranya maklumat itu berkaitan dengan rakan kenalan para pegawai BPR dan dakwaan bahawa pegawai-pegawai Badan tersebut diberi ganjaran untuk menutup satu-satu kes.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun atas apa? Minta penjelasan atau apa?

Tuan Othman bin Abdul: Berhubung dengan ucapan Yang Berhormat dari Jerai, saya hendak menjelaskan sedikit atau minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa segala butir-butir telah diserahkan mengenai satu kes di LPN. Banyak bukti-bukti yang boleh berkait dengan perkara itu yang tidak diselidiki dan ditutup begitu sahaja. Perkara kedua, mengenai LPN ini juga, semalam dalam akhbar *Berita Harian* menunjukkan bahawa Ketua Pengarah LPN telah pun memberi kontrak kepada kapal-kapal pengangkutan dari Thailand, sedangkan Ahli Lembaga Pengarah memutuskan bahawa Kontena Nasional adalah diberi kuasa untuk mengangkut beras-beras daripada Siam. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat dalam perkara ini?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya mengambil catatan apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Siasatan merupakan satu perkara yang berterusan sehingga kita memastikan bahawa tidak ada kes sekiranya terdapat jalan-jalan yang menunjukkan bahawa kita akan bertemu dengan bukti-bukti yang tertentu. Siasatan akan berterusan mengambil masa yang singkat ataupun lama ia akan diteruskan. Saya akan merujuk kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan seperti yang saya katakan, ini akan disiasat.

Dalam konteks ini BPR sebenarnya tidak memilih kasih di dalam pengendalian urusan siasatannya kerana badan itu akan tetap menjalankan siasatan yang berkaitan ke atas sesiapa sahaja yang telah melakukan perbuatan rasuah walaupun pada mata kasar seseorang itu menunjukkan bahawa sesuatu kes rasuah itu mempunyai bukti. Tetapi dari segi kehendak undang-undang kes tersebut tidak dapat diteruskan pendakwaannya ke mahkamah kerana

hasil penyiasatan BPR tidak menemui bukti-bukti yang cukup dan jelas bagi mendakwa seseorang itu ke mahkamah. Ini kerana sistem perundangan kita menetapkan bahawa seseorang itu hanya akan dituduh di mahkamah apabila semua bukti telah diperolehi dan kehendak undang-undang dipatuhi.

Sukalah saya tegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa dasar menyiasat sesiapa sahaja akan diteruskan oleh badan itu tanpa memilih kedudukan, pangkat ataupun keturunan seseorang yang telah melakukan rasuah. Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada soalan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Saya menggambarkan bahawa tiap-tiap kali satu-satu apa yang dikatakan kes ataupun tuduhan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada DAP termasuk Kepong menunjukkan supaya ianya menggemparkan. Jadi, dengan itu menarik perhatian. Ada unsur sensasi. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa di dalam BPR menyiasat mana-mana kes proses keadilan itu mesti ditunjukkan. Jadi, kita mesti mengerti bahawa tidak semestinya apabila sesuatu kes dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang termasuk Kepong jadi kalau hari ini ditanya, esok dia hendak jawapan, kalau boleh jawabnya, "Orang ini sudah bersalah". Kalau begitu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat mematuhi cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah". Dan yang kedua itu bukan

sensasinya yang kita maksudkan di dalam Dewan ini cuma maklumat yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri. Sekiranya diberi maklumat akan mengambil tindakan. Itulah hakikatnya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya rasa, Tuan Pengerusi, Bahasa Malaysia saya begitu terang di dalam jawapan saya tadi. Siapa-siapa pun yang ada berkaitan dengan rasuah ini kita akan menyiasat, jikalau ada bukti kita akan ambil tindakan.

Saya hendak katakan di sini unsur menggemparkan ini oleh kerana saya pernah menyarankan kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya ada bukti, ada kes, laporkan kepada BPR. Tetapi Ahli Yang Berhormat lebih berminat hendak melapor kepada kita di dalam Dewan ini supaya "coverage" nya lebih, dengan izin.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sila.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kami telah melaporkan kes-kes seperti yang saya sebutkan berulang kali di sini. "Dua Bersaudara Sdn. Bhd; Empat Bersaudari Sdn. Bhd dan Sejati Sdn. Bhd" itulah hakikatnya. Bukan semua dibangkit. Tambah pula, Tuan Pengerusi, ini satu Dewan yang mulia, satu Dewan perundangan yang tertinggi. Adakah lagi badan yang lebih tinggi daripada ini?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya setuju. Saya juga katakan tadi, di dalam kes yang pertama yang dirujuk dalam jawapan saya yang awal kita mengambil perhatian bagi menyiasat kes ini sehingga kita boleh menentukan daripada bukti-bukti mengikut laporan itu sekiranya ada, benar atau tidak benar. Dan saya sudah katakan kalau hari ini lapor

janganlah mengharapkan esok saya buat jawapan, seboleh-bolehnya "sudah bersalah".

Kalau begitu saya tidak menepati harapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyatakan di dalam mana-mana siasatan di bawah kes rasuah keadilan mesti menjadi pengertian utama dalam mana-mana siasatan.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah membawa beberapa kes lain. Saya tidak tahu sama ada kes-kes yang baru ini sudahpun dilaporkan juga kepada BPR. Dan kalau boleh saya minta untuk menjawab terus di sini. Jadi, biarlah saya kata sabar dulu kita akan meneliti kes ini, tengok dulu apa dia unsur-unsur yang berkaitan dengan rasuah. Mungkin juga walaupun jumlah berjuta-juta ringgit yang disebutkan ini menggambarkan sesuatu telah berlaku. Tetapi kita mesti ingat badan-badan yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat yang secara kebetulan letaknya di negeri Pahang, mungkin juga merupakan hal-hal yang ada kaitan dengan pelaburan, perdagangan kerana ini syarikat-syarikat dan kewangan yang disebutkan tadi melibatkan pelaburan daripada anak-anak syarikat, pinjaman-pinjaman daripada bank, jaminan-jaminan daripada Kerajaan merupakan perkara biasa di dalam pinjaman yang demikian oleh syarikat-syarikat Kerajaan.

Saya juga hendak sebutkan sekiranya terdapat bukti-bukti yang tertentu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bolehlah menyampaikan kepada BPR. Saya boleh memberi jaminan sekiranya bukti-bukti ini terdapat benar kita akan menimbangkan untuk disiasat. Dan seperti yang saya jawapkan tadi, proses keadilan seterusnya terletak kepada ke mahkamah. Bukan saya, bukan Ahli Yang Berhormat dari

Kepong yang boleh menentukan bahawa kesalahan pada satu kes yang kita siasat itu boleh kita kenakan hukuman.

Saya hendak menyebut perkara yang melibatkan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai empat orang ahli politik yang ditangkap di Pulau Pinang dan mengikut Ahli Yang Berhormat mereka ini telah pun tertuduh di mahkamah. Sekiranya begitu kenapakah nama-nama mereka ini dirahsiakan?

Sebenarnya tidak tepat apa yang dikatakan mereka ditangkap dan telah didakwa di mahkamah. Belum lagi, kerana kes ini masih dalam siasatan. Jadi, dalam siasatan ini kita juga hendak mencerminkan bahawa BPR menyiasat seadil-adilnya.

Kita sudah tentu tidak akan menyiarkan nama-nama mereka yang belum lagi kita pasti bahawa mereka ini bersalah. Kerana jika berbuat demikian, kita tahu ini akan menimbulkan satu "social stigma", dengan izin, Tuan Pengerusi, kepada mereka yang telah kita menyiarkan nama, walhal belum tentu bersalah.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun pula.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat, bukankah mereka ini telah, dengan izin, produced in Court for remand? Kalau begitu, patutlah nama-namanya boleh didedahkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab tadi, dia hendak tanya juga lagi, tetapi saya beri 'chance' kerana dia suka bertanya.

Mengenai perkara-perkara yang lain, walaupun saya kata tadi secara prinsipnya hari ini tanya, besok kita jawab, kita akan mengambil perhatian dan khususnya BPR akan menyiasat kerana di dalam Dewan yang mulia ini perkara itu ada disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kita akan menyiasat, tetapi ini saya harap jangan dijadikan 'trend' umpamanya, tiap-tiap kes di bawa oleh Ahli-ahli yang Berhormat ini, saya kena beri jamin saya akan menjawab, kerana esok satu senarai lain pula kes-kes dibawa.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)
(*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat dari Bandar Kuching jangan bising macam itu.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Bising ini merupakan satu perkara biasa pada mereka, jadi maafkan, Tuan Pengerusi (*Ketawa*), termasuk dari segi mereka membawa kes-kes yang disebutkan tadi, lebih memerlukan sensasi, boleh bunyi bising dan mendapat laporan kerana dibawa ke sini. Saya minta maaf kalau Yang Berhormat dari Kepong hendak suruh saya tarik balik "statement" itu, saya tarik balik, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab juga perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, saya ingin juga memaklumkan bahawa soal kerjasama antara Jabatan-jabatan Kerajaan di Kementerian-kementerian bergantung kepada berbagai-bagai perkara. Masing-masing memang ada bidang tugas, tanggungjawab dan matlamat-matlamat sendiri dan tiap-tiap satu daripadanya bertanggungjawab penuh bagi menyempurnakan tugas-tugas itu. Bantuan dan kerjasama dari agensi-agensi lain adalah diperlukan apabila satu-satu kerja atau projek memerlukan sumbangan atau "input"

dari berbagai-bagai agensi. Dalam hal inilah beberapa masalah mungkin timbul yang tidak semestinya merupakan kekurangan kerjasama, tetapi kekurangan penyelarasan dalam memberikan sumbangan-sumbangan yang diperlukan itu mengikut bentuk dan waktu yang dikehendaki. Berbagai-bagai Jawatankuasa antara agensi di berbagai-bagai bidang kerja telah ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan ini. Kerjasama dan penyelarasan yang baik bermula dari perancangan yang sistematis dan jadual pelaksanaan yang lengkap supaya peranan masing-masing agensi dapat dikenalpasti dan ditegaskan. Dengan usaha ini Kerajaan yakin soal kurang kerjasama dan penyelarasan itu akan dapat diatasi serta diperbaiki lagi.

Tuan Pengerusi, usaha untuk memupuk perpaduan di negara ini adalah suatu usaha yang berterusan. Ia mengambil masa yang lama untuk melihat kesan dan kejayaannya, perpaduan adalah sesuatu yang subjektif dan ukurannya bergantung kepada penilaian seseorang. Bagaimanapun kita tidak boleh menafikan bahawa sesuatu bentuk perpaduan telah wujud di negara ini, tidak adanya rusuhan atau pergaduhan-pergaduhan kaum seperti yang berlaku di negara-negara lain, tidak ada sesiapa pun yang merasa cemas untuk berada di mana-mana tempat, bergaul dan berinteraksi dengan kaum-kaum lain atau melakukan aktiviti-aktiviti masing-masing yang sah di sisi undang-undang adalah bukti wujudnya perpaduan di negara ini. Oleh itu, tidaklah wajar untuk mengatakan bahawa Kerajaan atau Jabatan Perpaduan Negara telah gagal dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat perpaduan di negara ini. Namun demikian, Kerajaan mengakui banyak lagi yang perlu dipelakukan untuk mempertahankan dan meningkatkan lagi tahap perpaduan yang ada

sekarang. Aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga dan kejiranan merupakan sebahagian daripada strategi penggalakan, dengan izin, promotional, selain daripada aktiviti-aktiviti penggalakan Jabatan Perpaduan Negara juga menjalankan usaha-usaha yang berbentuk pencegahan (prevention).

Jabatan Perpaduan Negara sentiasa mengesan dan menganalisa sesuatu peristiwa atau kejadian yang berlaku yang boleh menjejaskan perhubungan antara kaum dan menasihatkan pihak-pihak tertentu sewajarnya supaya kejadian-kejadian itu tidak menjadi satu isu perkauman. Bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa usaha memupuk perpaduan di negara ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan atau Jabatan Perpaduan Negara sahaja, bahkan ia menjadi tanggungjawab semua rakyat di negara ini termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang juga.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat atau sesiapa sahaja mempunyai idea tentang cara-cara untuk meningkatkan lagi tahap perpaduan di negara ini silalah memajukannya kepada pihak Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan Suruhanjaya Di-Raja untuk mengkaji masalah polarisasi kaum di negara ini, saya tidaklah perlu memberi penjelasan lagi di sini kerana perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini pada awal Persidangan yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sambutan yang baik ke atas objektif mulia Jabatan Perpaduan Negara dan kejayaan yang telah dicapai untuk mewujudkan suasana aman, damai, harmonis serta muhibbah di kalangan

rakyat berbagai kaum. Kerajaan sedar adanya segelintir rakyat yang tidak faham atau sengaja tidak mahu memahami hasrat dan dasar-dasar Kerajaan. Mereka menimbulkan isu-isu kecil yang remeh-temeh, yang membabitkan satu-satu kaum dan mengapi-apikannya.

Saya suka mengingatkan mereka supaya jangan cuba meruntuhkan benteng muhibbah dan perpaduan yang telah pun diasaskan selama ini. Sehubungan dengan ini Jabatan Perpaduan Negara sentiasa membuat pengesanan atas sesuatu isu yang dibangkitkan oleh segelintir rakyat ini supaya dapat dicegah daripada merebak. Di samping berusaha memupuk perpaduan di antara berbagai kaum, Kerajaan tidak boleh membiarkan perpecahan berlaku di kalangan satu-satu kaum itu sendiri atau dalam bahasa Inggeris, intraethnic conflict, dengan izin. Jabatan Perpaduan Negara bagi mengelakkan dari berlakunya gejala-gejala seperti yang disebut oleh ahli-ahli Yang Berhormat itu, dari segi menyemaikan perasaan taat setia, memanglah menjadi salah satu daripada tugas Jabatan Perpaduan Negara dengan kerjasama agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk memupuk semangat taat setia di kalangan rakyat dengan meningkatkan atau melatih mereka terutama golongan muda untuk mengenali dan menghormati lambang-lambang negara serta menerapkan semangat yang tersirat dalam prinsip Rukunegara, mereka diberi kefahaman yang jelas dan betul tentang tujuan dan hasrat dasar-dasar penting negara seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Negara yang mematlamatkan perpaduan negara.

Penyemaian bibit-bibit perpaduan kepada generasi muda yang dilakukan semenjak dari kecil lagi melalui

aktiviti-aktiviti pendidikan di peringkat TABIKA, Kemah Kerja, sukan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar semasa membahaskan bagi Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi di bawah Maksud B. 7, ada mencadangkan agar sebuah Suruhanjaya Timbangtara mengenai setingan ditubuhkan untuk menyelesaikan sebarang pertikaian di antara pihak pemaju tanah sama ada Kerajaan ataupun swasta dengan setingan iaitu orang-orang yang melakukan pendudukan secara tidak sah. Saya kira bahawa cadangan tersebut tidak wajar dan tidak perlu dipertimbangkan kerana keluangan-keluangan secukupnya sudah ada bagi semua pihak yang terkilan untuk mendapat remedynya, dengan izin, sama ada secara administrative mahupun secara undang-undang. Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan penggubalan dasar setingan dibuat untuk mengatasi dalam jangka panjang masalah-masalah setingan.

Beliau juga mencadangkan, antara lain, garis panduan berikut:

Tanah Kerajaan yang tidak dikehendaki untuk pembangunan tidak perlu dibersihkan;

Tanah Kerajaan yang dikehendaki untuk pembangunan yang diduduki setingan hendaklah diambil balik setelah tapak alternatif diberikan; dan

Tanah kepunyaan swasta pula jika hendak dimajukan dan melibatkan pengusiran setingan perlulah diberi pampasan oleh pemaju kepada setingan.

Tuan Pengerusi, dalam perancangan menyeluruh, sama ada pada peringkat Persekutuan mahupun pada peringkat Negeri, Kerajaan tidak sekali-kali mengabaikan keperluan setingan-setingan. Kerajaan-kerajaan Negeri

mahupun Persekutuan tidak pernah mengganggu setingan, kecuali bila tanah-tanah yang diduduki mereka diperlukan untuk kepentingan yang lebih mendesak dan untuk kepentingan am rakyat. Kepentingan demikian termasuk pembangunan perumahan, hospital, sekolah, jalan raya, keretapi atau lain-lain simpanan sedemikian ataupun untuk mengekalkan kawasan riadah untuk rakyat, kawasan tadahan mahupun simpanan sungai, keretapi dan sebagainya. Apabila tanah-tanah Kerajaan yang diduduki setingan hendak diambil balik, Kerajaan sentiasa bertindak secara berperikemanusiaan dan memberi pilihan tapak rumah atau tapak kebun di tempat lain ataupun ditawarkan perumahan awam kos rendah, mahupun bentuk gantirugi pampasan yang lain, sama ada dalam bentuk wang cash, ataupun sebarang barang "in-kind", dengan izin. Itulah dasar yang umumnya diamalkan oleh semua Kerajaan. Di samping itu, saya difahamkan bahawa pihak pemaju swasta juga memberikan pampasan kepada para setingan yang terlibat dengan projek pembangunan mereka.

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan kes pengusiran setingan di Kampung Bercham, Ipoh, inginlah saya menjelaskan selain daripada apa yang telah pun dijelaskan terdahulu daripada ini bahawa persetujuan-persetujuan telah pun diusahakan dalam 3 perbincangan yang diadakan di antara Kerajaan Negeri berkenaan dengan pihak setingan yang terlibat sebelum pengusiran dilakukan. Dalam hal ini Kerjaan telah memberikan tawaran berikut:

- (1) keutamaan pembelian rumah awam kos rendah akan diberi kepada keluarga setingan yang berminat;
- (2) pemberian tapak kebun sayur dan tempat ternakan seluas kira-kira 0.8 ataupun 2 ekar di

Ulu Piah, iaitu lebihkurang 8 km (5 batu) dari Kampung Bercham. Undian telah pun diadakan. Menjelang pemilihan rumah awam kos rendah tersebut, tapak-tapak rumah sementara disediakan kepada setinggan-setinggan yang terlibat.

Saya ingin juga mengucapkan penghargaan Kerajaan kepada usaha-usaha ahli-ahli Yang Berhormat Kawasan, sama ada Wakil Rakyat ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah berusaha mencari penyelesaian dalam kes yang saya sebutkan tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan sudahpun mengamalkan semua garis panduan yang dicadangkan oleh beliau. Beliau sepatutnya memberikan pandangan dan teguran kepada para ahli parti sendiri dan pihak berkepentingan supaya tidak menghasut, mengeliru

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan atau membangkitkan Tertib Mesyuarat?

Tuan Lee Lam Thye: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan! Adakah Yang Berhormat

Tuan Lee Lam Thye: Tadi

Tuan Pengerusi: Belum ditanya lagi, sudah diberi jalan. Silakan!

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa pihak pemaju ada memberikan wang pampasan kepada setinggan-setinggan yang diusir, tetapi di sini saya suka bertanya

sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sentiasa wang pampasan yang disalurkan ataupun yang diberi kepada para setinggan yang terlibat dalam aktiviti pengusiran ini adalah tidak mencukupi langsung dan ini telah membangkitkan berbilang masalah yang dialami oleh para setinggan, khasnya golongan yang miskin ini. Oleh kerana ini, saya ada mengesyorkan supaya pihak Kerajaan patutlah menimbangkan menubuh sebuah Suruhanjaya Timbangtara untuk menentukan jumlah wang pampasan yang dianggap sebagai adil yang hendak dibayarkan kepada para setinggan ini.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan!

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Pengerusi, saya sedar tentang prinsipnya telah kita setujukan. Dari segi cukup, tak cukup ini perkara subjektif. Kalau seseorang itu rasakan dia tak cukup, barangkali dia ambil pula seorang peguam hendak membelanya, jadi dia kena minta bayaran itu dengan bayaran peguam, barangkali daripada DAP juga, jadi bertambah harga ini. Jadi, saya hendak katakan di sini, cukup tak cukup itu subjektif, tetapi prinsipnya telah disetujui oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, semasa membahaskan Butiran 6, Pengurusan Bangunan Kerajaan, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas mencadangkan supaya rumah kelas rendah dijual terus kepada penghuni, terutamanya pesara-pesara yang belum ada rumah bagi mengenangkan jasa baik mereka berkhidmat dengan Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa pada masa ini Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar untuk menyelenggarakan rumah-rumah biasa Kerajaan bagi kelas rendah, tetapi Kerajaan tidak bercadang untuk menjualkannya terus kepada penghuni-penghuni yang ada ataupun kepada pesara-pesara Kerajaan kerana kalau kita buat

begitu, semua orang hendak. Ini adalah kerana keadaan rumah-rumah tersebut adalah tidak begitu baik—ini rumah untuk dijual kepada mereka, bahkan ianya akan memberi bebanan kewangan kepada mereka untuk terus menyelenggara dan membaiki rumah tersebut. Tetapi dari segi tanahnya memang kita akui, rumah-rumah Kerajaan ini adalah dibina di dalam tanah-tanah yang sekarang ini berharga dan strategik sekali, jadi ini boleh menimbulkan masalah dari segi pembahagian juga.

Dengan hal yang demikian, Kerajaan sedang merancang untuk membangunkan semula rumah-rumah tersebut dengan rumah-rumah pangsa yang lebih baik, selesa dan dengan jumlah yang lebih banyak. Apabila rancangan ini dilaksanakan, maka dapatlah Kerajaan mengkaji semula kadar sewaan kepada yang lebih munasabah dan mengurangkan perbelanjaan bagi penyelenggaraannya. Sungguhpun Kerajaan bersimpati dengan pesara-pesara yang belum memiliki rumah, mereka sepatutnya berusaha juga untuk mendapatkan rumah masing-masing daripada punca-punca yang lain, sama ada daripada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembinaan rumah-rumah ataupun syarikat swasta.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Tabung Haji yang telah dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang telah membahaskan perkara ini dengan panjang lebar, dua hari bersambung-sambung. Jadi, saya memberi penghargaan bahawa daripada cerita yang panjang itu boleh kita bukukan pengalamannya sebagai satu "Odyssey", dengan izin. Jadi, cerita daripada mula berlepas, daripada Kuala Lumpur sampai ke sana

Tuan Pengerusi: Panjang dan berulang-ulang!

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Yang berulang-ulang itu kita censoredkan, kita akan editkan, Tuan Pengerusi.

Jadi, segala cerita-cerita ini bagi Tabung Haji mempunyai makna yang besar oleh kerana banyak tercatat pengalaman-pengalaman yang mana masalahnya sedang kita cuba mengatasinya. Saya percaya pengalaman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu bukanlah satu pengalaman yang dihadapi oleh semua jemaah kita sebanyak 24,000, dia pun mengatakan, cuma ia merupakan satu "case study", dengan izin, yang perlu diambil perhatian.

Saya ingin menyampaikan beberapa penjelasan dahulu atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masalah Muasassah yang melibatkan sistem pentadbiran dan pelaksanaan jemaah haji kita. Seperti yang saya telah terangkan, Tuan Pengerusi, dalam Dewan ini dahulu sistem Muasassah itu adalah sistem yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi terhadap semua jemaah haji yang datang menunaikan fardhu haji ke Tanah Suci dan dengan yang demikian, persetujuan Tabung Haji tidak berbangkit kerana mahu tidak mahu sistem itu diwajibkan ke atas jemaah haji dari Malaysia juga.

Adalah tidak benar juga bahawa sistem Muasassah itu dikenakan bagi jemaah haji Asia Tenggara sahaja kerana seperti yang tersebut di dalam Peraturan Haji Arab Saudi ianya juga dikenakan bagi jemaah-jemaah haji dari negara-negara Turki dan orang-orang Islam Eropah, Amerika, Iran, Asia Selatan dan negara Afrika yang bukan Arab.

Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat juga ada menanyakan sama ada orang Arab sendiri tidak

dikenakan sistem Muassasah ini. Mengikut penjelasan yang kita dapat sistem Muassasah ini juga akan meliputi orang Arab juga di dalam musim haji tahun 1985 nanti.

Saya suka mendengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu sendiri bahawa beliau sekarang ini sedar Tabung Haji tidak ada mempunyai kuasa di Tabung Haji. Ini memang benar. Sebenarnya yang menyebabkan berbagai-bagai kesusahan di tanah suci kerana ibadat haji itu dilakukan di negara Arab Saudi yang mempunyai undang-undang dan peraturannya sendiri yang tidak memberi peranan kepada suatu badan lain mencampur tangan dalam urusannya.

Seperti yang kita sedia maklum pada semua peringkat menjalankan ibadat haji, jemaah haji adalah di bawah kawalan badan rasmi Kerajaan Arab Saudi iaitu semasa mereka di Jeddah mereka di bawah kuasa Wakil Bersatu, semasa di Madinah mereka di bawah kuasa Dalil dan semasa mereka di Mekah, Arafah dan Mina mereka di bawah kuasa Muassasah. Tabung Haji setakat ini hanya menjadi badan perantara sahaja di antara jemaah haji dengan badan-badan rasmi itu dan apa-apa tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh jemaah haji hanya dapat diambil oleh muassasah itu sahaja. Maka dengan menyedari hakikat itu saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini kita sedar bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh jemaah haji khususnya pada tahun ini begitu ketara sekali. Sebenarnya sistem Muassasah ini diwujudkan untuk mengatasi sistem sheikh dahulu. Kita memang tahu yang jemaah haji kita memang biasa dengan sheikh-sheikh bahkan kenal yang mana dikatakan sheikh yang baik, sheikh yang kurang memberi kebajikan dan sebagainya. Oleh kerana sistem Muassasah ini pada tahun pertama dilaksanakan, jadi sudah tentu pihak Tabung Haji

mengikuti segala penerangan ataupun segala janji-janji seperti yang disenaraikan di dalam penjelasan yang telah dibuatkan dalam kita melaksanakan sistem Muassasah ini dan saya rasa masalah sistem Muassasah ini sama ada dari segi dasarnya mahupun dari segi pelaksanaannya memang sudah pun diketahui dan dibincang dengan begitu giat sekali sama ada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun di luar Dewan dan Kerajaan memang mengambil perhatian yang berat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh jemaah kita.

Yang pertama dengan harapan bahawa masalah-masalah ini boleh diselesaikan di tahun-tahun yang akan datang. Jadi, saya ingin mengatakan di sini atas kesedaran Kerajaan ini kita telah meminta kepada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya menyenaraikan kepada kita masalah-masalah yang dihadapi oleh semua jemaah haji kita pada tahun ini termasuk laporan-laporan yang dapat daripada jemaah itu sendiri mengikut borang yang kita sediakan, kita telah mengambil perhatian segala perkara perkara yang telah dibangkitkan melalui mass-media, kita telah meneliti juga ucapan-ucapan, keluhan-keluhan daripada mana-mana pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan dalam hal ini pihak Kerajaan sendiri telah pun mengenalpasti tiga bahan pokok masalahnya.

Yang pertama, masalah-masalah yang hanya boleh diselesaikan melalui dasar oleh kerana sebahagian daripada masalah ini dikenakan mengikut dasar yang dikehendaki oleh Kerajaan Saudi sendiri melainkan kita berbincang dahulu barulah masalah ini boleh diselesaikan dan saya ingin mengatakan bahawa pihak Kerajaan sedang mengkaji dan menimbang untuk kita membuat satu hubungan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan, kita belum putus lagi sama ada

melalui saluran diplomatik ataupun kita menghantarkan satu delegasi Kerajaan kita untuk berunding, ini sedang kita fikirkan, tetapi kita sudah mengenalpasti masalah-masalah ini.

Yang kedua, masalah-masalah hasil daripada pelaksanaan sistem Muassasah ini. Jadi ini telah menimbulkan banyak juga kebimbangan dan rungutan daripada jemaah-jemaah kita. Hal ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan dasar, dia melibatkan pelaksanaan sahaja oleh sama ada pengarah-pengarah, pegawai-pegawai mahupun kakitangan yang ada kaitan dengan enforcement, dengan izin, pelaksanaan sistem Muassasah ini. Jadi kita telah mengarahkan kepada pihak Tabung Haji setelah mengenalpasti masalah-masalah yang telah kita kumpulkan di bawah proses pelaksanaan ini supaya sekali lagi berunding dengan pihak muassasah mengatasi masalah-masalah ini di mana terdapat rungutan kelemahan tidak menepati janji seperti yang dikatakan di dalam bahan-bahan penerangan muassasah ini maka kita akan kemukakan dan pihak Kerajaan juga telah meminta Tabung Haji supaya mendapat kepastian kepada mereka bahawa perkara-perkara ini tidak akan berlaku.

Tuan Pengerusi, dan bukan setakat itu sahaja, untuk menentukan bahawa masalah ini akan dikurangkan, saya tidak boleh memberi kepastian bahawa selepas kita mendengar masalah ini, selepas kita mengenalpastinya dan mencari jalan-jalan untuk menyelesaikannya maka pada tahun hadapan insya Allah semua masalah diselesaikan. Pihak Tahung Haji pun tidak boleh menjanjikan demikian tetapi kita boleh berusaha untuk mengurangkan masalah yang akan dihadapi oleh jemaah haji kita. Jadi dalam kumpulan yang ketiga ini kita sedang mengirakan, merancangkan supaya

perkhidmatan-perkhidmatan tambahan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan sistem pelaksanaan muassasah ini dapat dilaksanakan oleh Tabung Haji sendiri. Ini bermakna kita akan memikirkan cara-cara untuk menambahkan pegawai-pegawai kebajikan, pegawai-pegawai yang ada kaitan dengan memberi perubatan kepada jemaah kita, pegawai-pegawai yang memandu.

Saya sangat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang juga telah mengkaji hal ini dan antara cadangan untuk menyelesaikan sebahagian daripada masalah di peringkat pelaksanaan ini apatah lagi dari segi perhubungan antara jemaah-jemaah kita dengan Tabung Haji dan juga untuk memberi panduan sedikit sebanyak kepada jemaah-jemaah kita, Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya kita mewujudkan satu sistem perlantikan pegawai-pegawai perhubungan secara sukarela yang akan mewakili sekurang-kurangnya satu kumpulan seramai 50 orang dan pegawai-pegawai perhubungan ini boleh membantu pula pegawai-pegawai Tabung Haji yang telah kita hantarkan. Ini merupakan satu cadangan yang sangat dihargai. Saya sukacita mengumumkan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu, insya Allah, akan kita laksanakan pada tahun hadapan. Jadi, dengan itu bermakna jemaah-jemaah haji kita akan dapat punca lebih banyak untuk menyuarakan masalah-masalah ataupun untuk menyatakan sesuatu kepada pihak Tabung Haji mahupun kepada pihak yang berwajib.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah juga mengatakan bahawa peta Arafah/Mina yang dibekalkan oleh Tabung Haji dalam risalah penerangannya kepada jemaah haji tahun 1984 adalah peta lama. Mengenai perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa peta itu dibuat

sebagai panduan sahaja dan saya ingin kaitkan masalah peta ini dengan masalah bahan-bahan penerangan.

Satu daripada perkara yang telah Kerajaan arahkan kepada Tabung Haji ialah untuk mengurangkan jumlah bahan-bahan penerangan yang terlalu banyak, terlalu tebal, terlalu berat, kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh; hendak bawa sangkut di sini, sangkut di bahu. Jadi, kita hendak kurangkan, kita hanya cuba memberi penerangan-penerangan yang betul-betul diperlukan dan di dalam kita menyampaikan penerangan ini bagi mengatasi masalah ini juga kita akan cuba mencari beberapa pendekatan baru, kaedah-kaedah baru. Perkara-perkara yang kita anggap sudah tidak perlu lagi oleh kerana di dalam keadaan jemaah yang kurang dahulu dan di dalam suasana di mana jemaah haji sekarang ini sudah masuk meningkat kepada peringkat berjuta-juta, kita juga akan cuba mengurangkan dari segi fizikal khususnya bahan penerangan yang perlu dibawa ke sana sini oleh jemaah Haji.

Kita akan juga mencari satu "consensus", dengan izin, daripada bakal-bakal jemaah sama ada mereka perlu membawa satu tanda yang tidak boleh hilang dan dari segi pegawai-pegawai kebajikan yang bertugas, ini juga akan kita cari pendekatan baharu supaya pegawai-pegawai yang kita hantar oleh Tabung Haji ini dapat dikenalpasti dan senang sahaja dilihat ataupun ditemui oleh jemaah-jemaah haji kita, insya Allah, di masa-masa yang akan datang.

Adalah juga mungkin mustahil bagi Tabung Haji hendak mengadakan satu seperti saya katakan tadi peta-peta yang "up-to-date". Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa tapak hospital dan klinik sama ada di Arafah ataupun di Mina sebenarnya tidak berubah sejak 10 tahun yang lalu. Jadi kalau kita pakai

peta dua tahun pun barangkali tidak berubah juga, melainkan copnya salah.

Setiap tahun ada jemaah haji yang memberitahu Tabung Haji mereka sanggup membayar lebih iaitu lebih daripada \$5 ribu naik haji yang ditetapkan untuk mendapatkan tempat yang lebih selesa di tanah suci. Maka keperluan golongan itu telah diberitahu terlebih awal lagi kepada muassasah dan pihak muassasah telah menetapkan bahawa mereka yang akan dikendalikan khas oleh seorang sheikh kanan yang bernama Sheikh Zaini Ariff Zainol. Dengan itu semua jemaah haji membayar lebih, mereka membayar \$8,890 seorang telah ditempatkan dalam Maktab Lapan iaitu Maktab Sheikh Zaini Ariff Zainol. Yang Berhormat dari Pasir Puteh pun Maktab 8, kalau saya tidak silap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Untuk penjelasan, saya Maktab 6, bukan 8.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya minta maaf, cuma saya tadi cuba sama ada dia dengar penjelasan saya atau tidak (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perbincangan mengenai perkara-perkara haji ini, tetapi kalau saya membuat penjelasan yang begitu teliti akan memakan masa juga. Cukuplah dengan satu buku tebal yang saya katakan tadi saya janji untuk merekodkan ucapan Yang Berhormat daripada Pasir Puteh yang akan menjadi panduan utama untuk kita menyelesaikan masalah jemaah kita pada tahun hadapan, insya Allah.

Saya ingin pergi kepada beberapa perkara lain. Yang pertama, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kinta, Kepong, Batang Padang, ada dalam rangka menjawab soalan di bawah Perkara B. 12, Butiran Kecil 3.2—Jabatan Perpaduan Negara membangkitkan perkara Surat

Pekeliling ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan mengaitkannya dengan kebimbangan bahawa Pekeliling itu mempunyai motif menyekat kedudukan dan kegunaan bahasa-bahasa ibunda. Saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari Rabu, 13 haribulan ini telah pun menjelaskan kedudukan perkara ini yang telah disiarkan dengan begitu luas sekali.

Saya ingin menambah kedudukan Bahasa Malaysia dari segi taraf dan penggunaannya tidak seharusnya dipersoalkan lagi. Mahupun diungkit-ungkitkan kerana statusnya yang telah diterima oleh semua pihak dan pelaksanaannya yang begitu lama. Mana-mana unsur yang secara langsung atau tidak langsung yang boleh meragukan pula kedudukan Bahasa Malaysia dalam negara ini adalah tidak munasabah lagi. Sudah tentulah semua pihak dan rakyat di negara ini ingin melihat pelaksanaan Bahasa Malaysia dan kegunaannya perkembangan secara menyeluruh dan dipertingkatkan apatah lagi kegunaannya. Seharusnya tidak ada alasan dari segi kegunaan Bahasa Malaysia di dalam mana-mana acara rasmi di mana-mana tempat, di mana-mana institusi pun. Yang Berhormat dari Kinta juga mengatakan bahawa isu bahasa itu sensitif. Saya ingin menjelaskan dari segi Bahasa Malaysia seharusnya tidak sensitif lagi kerana ini merupakan bahasa rasmi yang telah diterima. Sebenarnya, "sensitivity"nya timbul apabila wujudnya pendapat-pendapat yang negatif dan pendapat-pendapat ini akan membangkitkan semangat yang boleh mengeluarkan unsur-unsur yang tidak diingini.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, dari Padang Rengas ada juga menyentuh berkenaan dengan gaji dan elaun yang diterima oleh kakitangan dalam Perkhidmatan Parlimen. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga

mencadangkan supaya kita meningkatkan lagi rupa-bentuk fizikal Parlimen ini setaraf dengan kedudukannya sebagai pusat yang tertinggi, sehingga ada yang mencadangkan supaya lambang di belakang Tuan Pengerusi pun di pinda. Saya mengambil catatan sebenarnya dalam hal ini. Suka saya memberitahu iaitu pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Parlimen diberi gaji yang sama seperti juga pegawai-pegawai yang sama jawatannya dalam Perkhidmatan Awam dan elaun-elaun yang diberi sekarang adalah difikirkan berpatutan.

Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dan juga Pentadbiran Parlimen sentiasa mencari jalan untuk membaiki keadaan kerja semua kakitangan Parlimen. Oleh kerana itu, baharu-baharu ini iaitu dalam bulan Julai tahun ini, Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dengan persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan telah meluluskan kenaikan gred 20 jawatan sama ada dengan secara penyandang ataupun secara hakiki. Kenaikan gred jawatan tersebut meliputi Kumpulan A, B, C, dan D. Adalah perkara yang agak sukar bagi pentadbiran Parlimen untuk menaikkan gred semua jawatan yang ada dalam Perkhidmatan Parlimen kerana keadaan seperti ini tidak pernah berlaku di dalam perkhidmatan yang lain.

Berkenaan dengan menaikkan pangkat 15 Pelapor Perbahasan Parlimen, saya menegaskan di sini adalah tidak benar mereka itu telah diabaikan. Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen pada 9hb Mach 1984 telah meluluskan satu skim untuk Pelapor Perbahasan Parlimen. Pelapor-pelapor Perbahasan Parlimen (Tingkatan Tertinggi) yang mana semua pelapor sekarang ini berada dalam tingkatan tersebut layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan

Penolong Penyunting iaitu atas tangga gaji B4. Perkhidmatan Parlimen telah mewujudkan dua jawatan Penolong Penyunting tersebut. Syarat-syarat untuk kenaikan pangkat tersebut ialah mereka hendaklah menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya dan berkhidmat selama tidak kurang 6 tahun dalam jawatan tersebut. Semua Pelapor Perbahasan Parlimen sama ada di atas tangga gaji penyandang ataupun hakiki adalah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang serupa. Jadi bolehlah menyakinkan kita di sini bahawa segala kerja-kerja yang baik seperti yang dinyatakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai kertas-kertas yang dapat disediakan dengan begitu rapi dan cepat, ini akan diteruskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga memberi penjelasan di atas beberapa perkara lain yang saya dapat kirakan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada juga menyebutkan fasal Kertas Putih. Jadi saya ingin menyatakan dalam rangka kita membahaskan belanjawan mengenai Kementerian Dalam Negeri, saya percaya penjelasan yang lebih rapi akan dilakukan.

Saya ingin juga memberi penjelasan, Tuan Pengerusi, mengenai satu perkara yang dibangkitkan atas kedudukan Bahagian Agama Islam, Pusat Islam di bawah Perdana Menteri yang telah dibangkitkan umpamanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

Saya ingin memaklumkan bahawa pertambahan peruntukan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1985 yang disebutkan itu adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (1) pengujudan jawatan-jawatan baru dan peningkatan taraf jawatan yang sedia ada hasil dari penyusunan semula struktur organisasi Bahagian Agama;

- (2) pengambilan alih tiga buah Pusat Dakwah di Sabah yang berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1984; dan
- (3) penampungan perbelanjaan untuk menyelenggarakan kompleks baru Pusat Islam yang telah disebutkan juga oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang dijangka dapat digunakan pada awal tahun 1985.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, selain daripada Jerai, ada juga menyentuh berkenaan perkara yang melibatkan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa pengwujudan jawatan-jawatan baru serta peningkatan taraf jawatan-jawatan yang sedia ada tadi sebenarnya adalah bertujuan untuk meningkatkan, mengemaskini dan menyelaraskan bukan sahaja Bahagian itu sendiri tetapi untuk mereka dapat menyumbangkan tenaga dan pemikiran terhadap usaha ini. Ini termasuklah aktiviti bagi menyelaraskan keseragaman Undang-undang Pentadbiran Agama Islam serta masalah hukum-hukum yang seragam bagi seluruh negara melalui Majlis Kebangsaan Haji bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Usaha-usaha ke arah menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan telah pun dimulakan melalui sebuah Lembaga yang dinamakan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia yang telah pun ditubuhkan baru-baru ini. Aktiviti di dalam hal ini akan terus bukan sahaja dijalankan tetapi juga dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan cuba juga membetulkan keadaan dalam undang-undang jika terdapat adanya jurang perbezaan di antara undang-undang sekular dan undang-undang Islam. Untuk membetulkan keadaan ini

berkehendakkan kajian yang teliti kerana sesuatu undang-undang itu adalah untuk dipakai bagi keseluruhan rakyat melainkan undang-undang itu telah dibuat khas bagi orang-orang Islam sahaja.

Kerajaan menggubal undang-undang yang ada kaitan dengan peruntukan-peruntukan, khususnya untuk orang-orang Islam adalah dibuat oleh pegawai-pegawai undang-undang yang beragama Islam, tetapi peruntukan-peruntukan itu adalah dikumpul atau diadakan oleh Jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar agama Islam. Ini adalah bagi Wilayah-wilayah Persekutuan. Bagi peringkat Negeri-negeri pula terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Berkenaan dengan pandangan terhadap Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan bahawa ianya adalah sebenarnya sedang dikaji sama ada ianya bertentangan dengan unsur-unsur Islam dan ianya telah dikaji semula dan didapati mengikut apa yang telah kita difahamkan bahawa pandangan itu tidak berasas dan undang-undang ini telah pun diluluskan.

Saya ingin juga merujuk kepada perkara-perkara lain seperti yang disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang mengenai isu BMF, pengambilan alih Bank Bumiputera, saham-saham Bank Bumiputera oleh PETRONAS dan sebagainya. Ini melibatkan perkara-perkara dasar yang mana saya telah pun membuat penjelasan yang panjang lebar dalam saya mengulung perbahasan dasar yang telah kita lakukan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, mungkin juga terdapat beberapa perkara lain yang perlu saya jawab tetapi sekiranya dia ada kaitan dengan dasar, maka saya

rasa tak perlulah saya mengulang tetapi saya ingin juga menyatakan Kerajaan telah memberi pandangan serius terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu. Mengenai prestasi Bank Bumiputera, saya ingin menjelaskan bahawa ianya sudah tentu akan terus terkawal, walaupun ianya menjadi anak syarikat daripada PETRONAS.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh mengenai teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Padang Rengas ke atas tata kelakuan sebilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang dikatakan menentang dasar Kerajaan. Saya ingin menyatakan bahawa perkara ini ataupun pandangan ini merupakan satu yang sangat serius. Kerajaan memang berat terhadap kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekiranya ia berlaku di mana-mana sahaja dan mana-mana pegawai yang menentang dasar Kerajaan sebenarnya boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja.

Berhubung dengan teguran adanya pegawai-pegawai yang melengah-lengahkan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan juga teguran bahawa ada Ketua-ketua Jabatan yang enggan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jagaan mereka, saya ingin menjelaskan bahawa mengikut Peraturan-peraturan di bawah Perintah Am Bab "D" tahun 1980, seseorang pegawai Kerajaan hendaklah pada setiap masa menunjukkan taat setianya kepada Kerajaan dan tidak boleh membelakangkan kewajipan awamnya. Adalah menjadi kewajipan seseorang pegawai awam mengawal dan menyelia tatakelakuan pegawai-pegawai di bawah jagaannya dan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka kerana melanggar tatakelakuan. Jika pegawai yang

mengawal dan menyelia tidak mengambil tindakan tatatertib dia hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan kerana tidak cekap dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Mengenai pembocoran rahsia rasmi mana-mana pegawai awam yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat juga, mana-mana pegawai yang membocorkan rahsia rasmi Kerajaan adalah melakukan kesalahan jenayah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Jika sekiranya didapati bersalah, mereka boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 7 tahun atau didenda tidak lebih daripada \$10,000 atau keduanya sekali.

Tuan Pengerusi, saya percaya, saya tidak perlu mengulangi lagi perkara-perkara yang telah saya jawab di dalam rangka saya mengulas dalam perbincangan dahulu dan sekiranya terdapat perkara-perkara yang saya tidak mengulasnya di dalam rangka jawapan ini, saya ingin memberi keyakinan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan kita di peringkat Jawatankuasa bahawa catitan-catitannya memang ada dan di mana terdapat perlunya untuk kita mengambil tindakan, memberi jawapan, membuat penjelasan dan sebagainya ini akan kita ambil perhatian dan kita sudah tentunya akan memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekali. Jadi, dengan itu sekali lagi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh bidang tugas yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa perbincangan Belanjawan 1985, di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$14,928,900 untuk Maksud B. 1; \$705,700 untuk Maksud B. 2; \$22,111,100 untuk Maksud B. 3; \$14,150,100 untuk Maksud B. 4; \$7,560,500 untuk Maksud B. 5; \$2,688,000 untuk Maksud B. 6; \$334,253,100 untuk Maksud B. 7; \$668,031,900 untuk Maksud B. 8; \$37,907,500 untuk Maksud B. 9; \$12,243,300 untuk Maksud B. 10; \$19,575,100 untuk Maksud B. 11 dan \$17,174,300 untuk Maksud B. 12 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,928,900 untuk Maksud B. 1; \$705,700 untuk Maksud B. 2; \$22,111,100 untuk Maksud B. 3; \$14,150,100 untuk Maksud B. 4; \$7,560,500 untuk Maksud B. 5; \$2,688,031,900 untuk Maksud B. 6; \$334,253,100 untuk Maksud B. 7; \$668,031,900 untuk Maksud B. 8; \$37,907,500 untuk Maksud B. 9; \$12,243,300 untuk Maksud B. 10; \$19,575,100 untuk Maksud B. 11 dan \$17,174,300 untuk Maksud B. 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$201,896,020 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dan \$2,799,200 untuk Maksud P. 8 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$201,896,020 untuk Maksud P. 7 dan \$2,799,200 untuk Maksud P. 8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 13 (Jadual).

Maksud P. 13 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 13 dan Kepala Pembangunan P. 13 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sepang.

5.44 ptg.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 2—Kehakiman, Butiran 3, Butiran 4 dan Butiran 5, B. 13.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mewujudkan suatu Kementerian baru yang bernama Kementerian Kehakiman. Dahulu, selepas kita merdeka, kita mempunyai suatu Kementerian yang semacam ini tetapi bernama Kementerian Undang-undang. Semasa itu Menteri Undang-undang juga memegang satu jawatan lagi iaitu jawatan Peguam Negara. Menteri yang pertama memegang jawatan ini dan telah memberi suatu khidmat yang begitu cemerlang iaitu bekas Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, memegang jawatan yang pertama dan juga telah memberi khidmat yang begitu baik dan cemerlang selaku Menteri Undang-undang dan juga Peguam Negara.

Kemudian Kementerian itu telah diambil alih pula oleh seorang lagi bekas Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Hamzah bin Abu Samah, selaku Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang kedua dan beliau juga telah memberi khidmat yang begitu cemerlang semasa memegang jawatan tersebut. Dan beliau juga adalah Peguam Negara di samping menjawat jawatan Menteri Undang-undang. Malangnya, pada suatu ketika beliau terpaksa menjalani suatu pembedahan, suatu major operation,

maka apabila beliau telah selesai operasinya, beliau telah dinasihatkan oleh doktornya untuk jangan lagi bertugas selaku Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dan oleh itu beliau telah meletakkan jawatan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara atas nasihat tuan doktornya. Kebetulan pula pada ketika itu negara kita sedang menghadapi, akan menghadapi Pilihanraya Umum, maka jawatan itu tidak diisi, mungkin agaknya memandangkan kepada bahawasanya Pilihanraya akan datang, maka eloklah jawatan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara itu dilantik selepas daripada Pilihanraya umum. Maka untuk sementara waktu, Solicitor-General, dengan izin, mengambil alih jawatan Peguam Negara.

Setelah Pilihanraya Umum selesai berjalan, dengan izin, Solicitor-General, Peguamcara kita masih juga memegang jawatan Peguam Negara dan Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara tidak diwujudkan. Maka pada ketika itu berlakulah seolah-olah sesuatu kekosongan dalam ertikata di dalam Parlimen ini tidak ada seorang yang bertanggungjawab atas perkara-perkara yang dibebankan kepada Peguam Negara kerana Peguam Negara pada ketika itu tidak lagi daripada Wakil Rakyat, maka apa juga tindak-tanduk Peguam Negara pada ketika itu tidak dapat dipersoalkan dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara kerana pemegangnya tidak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Maka pada ketika itu berlakulah apa yang saya katakan tadi seolah-olah suatu kekosongan, suatu kelemahan, boleh saya katakan kerana Parlimen tidak dapat menyoal kepada sesiapa yang sesungguhnya bertanggungjawab terus selaku Peguam Negara. Maka keadaan ini nampaknya sudah dapat diatasi kerana kalau tidak silap saya, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kewujudan

Kementerian Kehakiman ini, maka kalau tidak silap saya, beliau ada menyatakan, oleh sebab Peguam Negara tidak terdiri daripada Wakil Rakyat maka diwujudkan Kementerian Kehakiman ini supaya Kementerian Kehakiman boleh bertanggungjawab kepada Parlimen di atas perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan jawatan Peguam Negara atau sebagai Pendakwa Raya.

Tuan Pengerusi, oleh hal yang demikian, apabila dapat buku Kertas Perintah 25 Tahun 1984 ini maka saya pun teruslah mencari di mana letaknya Jabatan Peguam Negara, maka amatlah terperanjatnya saya melihat bahawa Jabatan Peguam Negara tidak diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman tetapi diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerana kalau kita kaji perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Undang-undang dahulu maka perkara-perkara yang diletakkan di bawah Kementerian Undang-undang di masa dahulu ialah Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh, Pemegang Harta, Perkhidmatan Bantuan Guaman dan juga termasuk Peguam Negara.

Kalau kita lihat tajuk-tajuk yang berada di bawah Kementerian Kehakiman yang telah diwujudkan ialah (i) Kehakiman, (ii) Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh, (iii) Pemegang Harta dan (iv) Perkhidmatan Bantuan Guaman. Tidak ada ternyata di situ Jabatan Peguam Negara kerana Jabatan Peguam Negara telah diletakkan di bawah sebuah Kementerian yang lain iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sama ada ini adalah merupakan satu oversight saya tidak tahu tetapi mungkin berlaku oversight kerana saya fikir intentionnya, hajatnya, tujuannya, matlamatnya Kementerian Kehakiman itu diwujudkan ialah supaya Jabatan

Peguam Negara diletakkan di bawah Kementerian Undang-undang supaya seperti mana yang telah saya nyatakan tadi supaya ada seorang Wakil Rakyat, seorang Yang Berhormat yang menjadi Ahli Dewan ini boleh bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan supaya Parlimen boleh bertanya kepadanya atas tanggungjawab dan responsibilitynya selaku Peguam Negara. Tetapi itu nampaknya tidak berlaku, sebaliknya kita telah mewujudkan Kementerian Kehakiman dan meletakkan Kehakiman di bawah Kementerian baharu ini.

Di Butiran 2—Kehakiman kita dapat lihat 2 (i) ialah Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Perkara 2.2 Mahkamah Tinggi, 2.3 Mahkamah Sesyen dan 2.4 Mahkamah Mejistret. Saya berasa bimbang dan ragu di atas kewujudan Kementerian Kehakiman ini dengan Kehakiman diletakkan di bawahnya kerana ini mungkin menimbulkan satu silap tafsiran, silap sangka seolah-olah Kehakiman berada di bawah Kementerian Kehakiman ini. Kalau tafsiran ini dibuat bahawa the Judiciary, Kehakiman berada di bawah Kementerian Kehakiman maka terjejaslah doctrine yang kita amalkan selama ini iaitu Doctrine of the Separation of Powers supaya pihak Judiciary (Kehakiman), pihak Eksekutif dan pihak Perundangan iaitu Legislative body ini adalah merupakan badan-badan yang berasingan.

Saya kuarir, saya bimbang, takut-takut ada pihak yang mentafsirkan dengan wujudnya Kementerian Kehakiman ini maka sekarang Mahkamah berada di bawah satu Kementerian dan boleh dipengaruhi oleh Kerajaan, boleh dipengaruhi oleh pihak Eksekutif. Kalau ini wujud maka kemungkinan satu kes boleh

dibuat kononnya kebebasan Kehakiman kita, the independence of the Judiciary, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Dengan izin.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Ya, dengan izin, terjejas. Inilah saya khuatir kerana di dalam satu negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen amalan judiciary yang bebas perlu kita sanjung tinggi dan bukan sahaja mesti kita melaksanakan kebebasan Kehakiman ini malah jangan menunjukkan appearance bahawa ada menjejaskan kepada Judiciary pun tidak boleh. Saya khuatir Kementerian Kehakiman dengan Kehakiman diletakkan di bawahnya mungkin memberikan satu appearance seolah-olah kononnya Kehakiman kita sudahpun tidak lagi bebas, seolah-olah Kerajaan sekarang di bawah Kementerian yang baharu ini mempunyai sesuatu pengaruh sama ada langsung ataupun tidak langsung boleh mempengaruhi satu-satu keputusan yang dibuat oleh sama ada para Hakim Persekutuankah, para Hakim Mahkamah Tinggikah, Mahkamah Sesyenkah ataupun Mahkamah Mejistret. "Appearance" atau gambaran ini yang paling bisa sekali. Ini yang saya bimbang dan saya khuatir. Saya percaya ini tidak akan berlaku. Saya tidak fikir soal kebebasan Kehakiman boleh terjejas dengan kewujudan Kementerian Kehakiman ini, saya harap tidak begitu, Tuan Pengerusi. Tetapi tidak boleh dielakkan dengan susunan yang baharu ini boleh dijadikan satu isu, satu kes dengan argumentnya, dengan sokongan yang tertentu seolah-olah kononnya sistem Kehakiman kita sudah ternoda, seolah-olah kononnya sistem Kehakiman kita sudah tidak lagi bebas dan boleh dipengaruhi keputusan-keputusannya oleh pihak Eksekutif dan oleh pihak Kerajaan.

Apatah lagi kalau Menterinya pula membuat pejabat di Kompleks Kehakiman lagi dasyat. Saya dengar pada mula-mulanya ada cadangan untuk hendak meletakkan pejabat Menteri Kehakiman ini di Kompleks Kehakiman. Kalau ada cadangan itu saya sukalah menarik perhatian supaya jangan buat, kalau buat lagi timbul keraguan-keraguan daripada rakyat. Sebaik-baiknya, Tuan Pengerusi, tempat Kementerian Kehakiman ini ialah di Jabatan Peguam Negara, di situlah tempatnya yang sebaik-baiknya kerana di situlah letaknya juga tempat Kementerian Undang-undang dahulu, dan saya fikir pejabatnya pun masih ada lagi, pejabatnya masih kosong kerana Menterinya tidak ada dan bolehlah Menteri Kehakiman mengambil ruang pejabat yang kosong itu dijadikan sebagai pejabat Kementerian Kehakiman dan kalau boleh biarlah Jabatan Peguam Negara itu diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman beserta dengan jabatan-jabatan yang lain tadi sebagai peringkat yang pertama.

Peringkat yang kedua dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya jawatan Peguam Negara itu hendaklah seperti dahulu dipegang oleh seorang Wakil Rakyat, duduk di Dewan ini dan juga duduk sebagai Ahli Kabinet supaya dengan beliau menjadi seorang Ahli Kabinet, beliau dapat memberi nasihat undang-undang kepada Kerajaan. Maklumlah, Tuan Pengerusi, sekarang ini Kerajaan sudah menjadi suatu proses yang begitu kompleks, tiap-tiap keputusan Kerajaan ada unsur-unsur undang-undang, tiap-tiap apa juga keputusan Kerajaan, saya fikir 90% daripada keputusan Kerajaan yang Kerajaan buat melalui Kabinet ada ciri-ciri undang-undang dan amatlah baik pada fikiran saya, sekiranya Peguam Negara sebagai penasihat Kerajaan sepertimana yang termaktub dalam

Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa Peguam Negara itu adalah penasihat kepada Kerajaan, ia duduk sebagai Ahli Kabinet dan menasihatkan Kerajaan dalam tiap-tiap satu keputusan Kerajaan supaya tiap-tiap tindakan dan keputusan yang diambil oleh Kabinet sudahpun mendapat nasihat daripada Peguam Negara sebagai seorang Ahli Kabinet. Kalau tidak, saya berasa bimbang, Tuan Pengerusi, oleh kerana Kerajaan tidak dapat nasihat ini daripada seorang Peguam Negara yang menjadi Ahli Kabinet, kemungkinan berlaku Kerajaan membuat keputusan-keputusan yang tidak mendapat nasihat daripada Peguam Negara sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Negara kita. Dengan adanya seorang Peguam Negara yang duduk sebagai Ahli Kabinet, kemungkinan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan akan dapat dielakkan.

Itu cadangan saya yang terakhir iaitu kita balik semula kepada cara kita yang lama, kerana cara yang lama itu sudah menunjukkan keutuhannya serta kekesanannya yang begitu baik. Saya tidak nampak apa-apa kelemahan yang menonjol daripada sistem yang lama iaitu semasa kita mengadakan Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara. Memanglah apa juga sistem kita buat mestilah ada kelemahannya, Tuan Pengerusi, itu saya akui, tetapi daripada apa yang dapat saya kaji sistem yang lama di bawah Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara itu lebih baik daripada susunan yang ada di bawah Kementerian Kehakiman.

Sesungguhnya nama itu tidak penting bagi saya, panggil apa hendak panggil pun, panggilah Kementerian Kehakiman pun boleh, Kementerian Undang-undang pun boleh, panggilah apa nama, itu tidak penting bagi saya. Tetapi apa yang penting, Tuan

Pengerusi, ialah apakah tajuk, apakah perkara, apakah tanggungjawab, apakah fungsi yang diletakkan di bawah satu-satu Kementerian itu. Itu yang penting.

Ada yang menyatakan bahawa kalau kita memberi nama Kementerian Kehakiman, maka Kementerian itu tidak bertanggungjawab kepada undang-undang, dia cuma bertanggungjawab kepada kehakiman. Kalau diwujudkan Kementerian Undang-undang, Kementerian itu bertanggungjawab kepada undang-undang, tidak kepada kehakiman. Bagi saya itu tidak penting, sama ada Kementerian Undang-undangkah ataupun Kementerian Kehakiman, asalkan diletakkan Jabatan Peguam Negara di bawah Kementerian itu panggilah Kementerian Kehakiman pun tidak mengapa, asalkan Jabatan Peguam Negara itu diletakkan di bawah Kementerian itu.

Di bawah sistem yang dahulu suatu pertalian yang cukup erat wujud di antara Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dengan pihak kehakiman melalui Hakim Besar dan melalui Ketua Hakim Negara. Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar dipertanggungjawabkan kepada masalah kehakiman iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret adalah dipertanggungjawabkan terus menerus kepada Ketua Hakim Negara dan/atau Hakim Besar. Melalui hubungan yang erat di antara Peguam Negara ataupun Menteri Undang-undang dengan Hakim Besar dan Ketua Hakim Negara tersebut, maka tidak berlaku apa-apa pertelingkahan, malah, dengan izin, doctrine of separation of powers di antara Executive dan Judiciary dapat dipelihara dengan begitu baik.

Ini termaktub dan ketara sekali di bawah sistem yang lama di mana tidak berlaku apa-apa pertindihan di antara kehakiman dengan Jabatan Peguam Negara ataupun kerja-kerja Peguam Negara berjalan dengan baik. Kalau kehakiman, itu soal Ketua Hakim Negara ataupun Hakim Besar, kalau seorang Majistret itu hendak ditukar, itu bukan tugas Peguam Negara; itu tugas Hakim Besar, tetapi Hakim Besar mengadakan perundingan (consultation) dengan Peguam Negara sebelum seseorang President of the Sessions Court ditukar, ataupun mengambil seseorang Majistret yang baru sungguhpun Hakim Besar yang merekrut, mengambil mereka itu tetapi mereka mempunyai satu Jawatankuasa Suruhanjaya dan Jawatankuasa Suruhanjaya itu wakil daripada Menteri Undang-undang ataupun Peguam Negara, ataupun Peguam Negara sendiri duduk di dalam Jawatankuasa itu melalui mesyuarah dan perundingan mengambil Majistret dan sebagainya. Begitu juga kalau ada yang hendak naik pangkat (promotion) dan sebagainya, ini juga tanggungjawab Hakim Besar tetapi setelah berunding sekali lagi dengan Peguam Negara.

Jadi sistem itu berjalan dengan begitu baik dan begitu molek dan saya fikir sistem yang lama itulah yang sebaik-baiknya di dijalankan. Tetapi malangnya, amat dukacita apabila kita mewujudkan Kementerian yang baru ini, Kementerian Kehakiman ini, yang mana hasrat kita supaya Peguam Negara bertanggungjawab melalui Kementerian yang baru ini sepertimana sistem yang lama, ia tidak wujud dan di mana Peguam Negara menjadi Ahli Kabinet menasihatkan Kerajaan tidak wujud.

Ini pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, merupakan suatu kelemahan, malah suatu keadaan yang saya fikir tidak difikirkan oleh

Perlembagaan kita. Perlembagaan kita, saya berpendapat menganggap bahawa Peguam Negara adalah terdiri daripada seorang politik, menjadi Ahli Kabinet, menjadi seorang Menteri dan duduk di Dewan ini, bertanggungjawab atas Kementerianya, boleh disoal oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen tentang Kementerianya dan beliau hendaklah memberi jawapan secara terus di atas budi bicaranya dalam ia menggunakan kuasa-kuasanya sebagai Peguam Negara khususnya. Tetapi pada hari ini kalau saya hendak bertanya tentang tindak-tanduk Peguam Negara, bukan Peguam Negara yang menjawab, tetapi seorang lain yang langsung tidak ada kuasa atasnya kerana Peguam Negara itu mempunyai kuasa yang penuh, dia tidak bertanggungjawab kepada sesiapa, kecuali kepada Parlimen, kecuali kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong yang boleh memberhentikan beliau.

Jadi saya berpendapat, Tuan Pengerusi, keadaan yang berlaku di bawah Kementerian Kehakiman ini, pada pendapat saya tidak mencerminkan keadaan dan susunan pentadbiran yang dikehendaki oleh Perlembagaan Negara kita. Saya merayu sekali lagi supaya perkara ini dapat dipertimbangkan semula dan supaya Peguam Negara itu dilantik daripada seorang Wakil Rakyat dan dijadikan seorang Menteri, dan panggillah apa nama Kementerianya; tidak menjadi apa, Kementerian Kehakimankah, Kementerian Undang-undangkah, tidak mengapa asalkan objektif atau tujuannya tercapai.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

6.10 ptg.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Maksud Bekalan 13—Kementerian Kehakiman, butiran 1 dan 2.

Tuan Pengerusi, Kementerian Keadilan terjadi selepas rombakan Kabinet baru-baru ini. Saya rasa kesal sungguhpun terdapatnya tentangan dari orang awam atas kelulusan Akta Undang-undang Sivil (Pindaan), 1984. Kerajaan telah melaksanakan undang-undang itu mulai daripada 1hb Oktober tahun ini. Dirasa kesal juga Kerajaan telah bertindak dengan serta-merta. Seharusnya Kerajaan menimbang sebaik-baik sahaja sebelum mengenalkan Akta itu. Akta Pemulihan (Perkahwinan dan Penceraian), 1976, telah diluluskan dalam tahun 1976 hanya dikuatkuasakan pada 1hb Mac, 1982. Dengan melaksanakan Akta itu, ganti rugi terdapat akan jadi tidak adil lagi. Justifikasi Akta itu mengikut Kerajaan ialah untuk mengelakkan keadaan di mana Malaysia akan menjadi satu masyarakat gila membuat tuntutan sivil seperti di Amerika Syarikat. Tetapi justifikasi ini akan membawa satu aniaya besar. Justifikasi itu selain daripada hal bukan tetap, akan juga membawa keadaan teruk dengan sebab membiarkan masalah sosial dalam kalangan orang-orang bergantung kepada mangsa-mangsa kemalangan, dengan sebab mereka tiada dapat bantuan secukupnya. Sungguhpun Kerajaan melaksanakan Akta ini dalam cara cubaan, kepentingan kebangsaan akan dirugikan.

Tuan Pengerusi, apabila bercakap dalam rancangan RTM dalam "Ehwal Semasa" dalam bulan September tahun ini, Perdana Menteri kita telah menyatakan pindaan-pindaan kepada Akta Undang-undang Sivil ialah untuk menjaga kepentingan orang miskin.

Tetapi pindaan-pindaan ini menentang kepentingan orang-orang miskin. Banyak kemalangan-kemalangan jalanraya dalam negeri ini terlibat orang-orang miskin.

Menteri Keadilan mengumumkan dalam Dewan ini dengan terus terang Kerajaan tiada akan undur dalam hal ini. Kerajaan hendaklah melaksanakan Akta ini yang telah dikuatkuasakan semenjak 1hb Oktober tahun ini. Janganlah Kerajaan takut mengaku Kerajaan sendiri tersilap. Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu telah menyatakan, jika Kerajaan tidak melaksanakan Akta itu, itu bererti Kerajaan sendiri mengaku Kerajaan tersilap dan tiada menimbang dengan serius sebelum membentangkan akta itu dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi, dalam fikiran saya, jikalau ada kesilapan dalam perkara ini tentu Kerajaan mengaku ada kesilapan. Jangan jadi seperti seorang Ahli Parlimen dalam Dewan ini yang tahu ada kesilapan—ada kesilapan tetapi tidak mahu—tidak mahu

Tuan Pengerusi: Cukuplah itu

Tuan Karpal Singh: Bukan cukuplah juga, Tuan Pengerusi. Baru-baru ini dalam satu kenyataan akhbar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyebutkan, jikalau saya boleh baca apa yang ada di dalam akhbar *Straits Times* bertarikh 5hb November tahun ini, dengan izin, "Speaking at the Prize-giving Day of Sekolah Rendah (Tamil) here this morning, the Deputy Minister of Home affairs, Encik Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, said:

"There has been restlessness in the society ever since a Member of Parliament committed a mistake in Parliament recently. His speech had made a lot of people unhappy".

Di sini pun, Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri itu tidak ikhlas. Beliau bercakap ada satu Ahli Parlimen yang ada membuat satu kesilapan tetapi tidak sebut nama, tidak sebut siapa, siapa Ahli Parlimen ini. Jikalau ada kesilapan, biar ikhlas, beritahu kepada orang ramai, siapa orang ini, siapa orang ini dalam Parlimen yang ada membuat kesilapan

Tuan Pengerusi: Sila duduk sebentar. Yang Berhormat Ahli dari Jelutong tadi semasa memulakan ucapan, Yang Berhormat telah membawa beberapa hujah berkenaan dengan masalah-masalah yang telah pun diputuskan oleh Dewan ini iaitu membawa perbincangan Yang Berhormat kepada perkara-perkara Rang Undang-undang yang telah pun diluluskan. Jadi masalah-masalah yang telah pun selesai seharusnya itupun, saya tidak kalau secara meneliti, membenarkan Yang Berhormat membawa hujah-hujah yang menyentuh perkara-perkara, masalah-masalah yang telah diputuskan oleh Dewan. Akan tetapi atas kesedaran bahawa sekarang ini setelah Dewan memutuskan terhadap masalah-masalah tersebut, iaitu perkara-perkara itu telah pun menjadi undang-undang dan terserahlah kepada pihak Judiciary untuk membuat beberapa keputusan-keputusan berkenaan dengan Undang-undang yang telah pun diluluskan dan memandangkan tidak ada lagi tempat lain dalam mana Yang Berhormat boleh menyampaikan saranan-saranan tertentu terhadap undang-undang yang telah diluluskan itu, untuk rakyat menimbangkan agar juga mendapat perhatian pihak Judiciary, saya telah membenarkan. Setelah itu Yang Berhormat telah menyebutkan satu contoh dalam mana jika sesuatu kesilapan berlaku, tidak seharusnya kita segan dan silu untuk mengaku salah, disebutkan sebagai contoh.

Oleh sebab itulah saya katakan cukup. Bukan kita hendak berhujah di atas kesilapan itu. Saya membenarkan

Yang Berhormat berucap berasaskan Kepala B. 13 iaitu di bawah bidang Dasar Khidmat Kementerian Kehakiman. Jadi saya harap Yang Berhormat kembali kepada perkara-perkara di bawah masalah yang sedang dipertimbangkan oleh Dewan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan sebab Kerajaan hendak melaksanakan Akta Sivil, adakah Kerajaan bersedia mengenalkan Rang Undang-undang untuk mengurangkan premium insuran dengan sebab bayaran ganti rugi dikurangkan mengikut pindaan-pindaan Akta itu. Jikalau tidak, syarikat-syarikat insuran beruntung dua kali, seperti pokok pisang berbuah dua kali.

Perdana Menteri menyatakan pindaan-pindaan perlu untuk mengawasi keadaan teruk seperti di Amerika Syarikat di mana sesiapa pun boleh menuntut dari sesiapa pun, termasuk doktor yang memberi rawatan dan juga pembantu-pembantu yang membantu dalam kecederaan. Ketakutan Perdana Menteri kita boleh dielakkan jika beliau mengenalkan Rang Undang-undang menahap tuntutan-tuntutan tiada munasabah.

Dalam segi pandangan saya pindaan-pindaan bagi Akta Undang-undang Sivil mengharumkan kepentingan syarikat-syarikat insurans. Pindaan-pindaan tiada bagi faedah kepada orang-orang miskin. Kekurangan ganti rugi akan membawa masalah-masalah sosial. Kerajaan mesti berpendapat realisma dalam hal ini. Dalam usaha untuk mengelakkan satu masyarakat suka "litigation", dengan izin, Kerajaan arah ke akibat-akibat yang tiada baik bagi kepentingan orang ramai.

Kerajaan telah menolak kebijaksanaan sendiri dan juga pendapat orang ramai dalam melaksanakan pindaan-pindaan itu. Trend sekarang dalam hal menilai

ganti rugi mengikut keputusan mahkamah-mahkamah di Britain terdapatnya "rational" bagi pindaan-pindaan itu. Tetapi apa yang dilupa ialah Britain adalah sebuah, dengan izin, "Welfare State" bukan seperti Malaysia. Terdapatnya banyak faedah di Britain yang mengurangkan penderitaan mangsa-mangsa kemalangan. Saya harap, Tuan Pengerusi, Kerajaan akan mengubah sikap degil sendiri dalam pelaksanaan pindaan-pindaan itu.

Tuan Pengerusi, terdapatnya perpindahan dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang dalam negeri ini. Seorang Presiden Kanan Mahkamah, Encik Christopher Fernando baru-baru ini letak jawatan dan masuk bidang guaman swasta. Encik Fernando berkhidmat sebagai Presiden selama 11 tahun. Beliau masuk perkhidmatan ini dalam tahun 1974. Apakah sebab beliau letak jawatan? Tuan Pengerusi, tentulah beliau tidak berpuas hati. Jika tidak, mengapakah beliau mengorbankan perkhidmatan dan seniority beliau. Terdapat kekurangan kakitangan, Majistret-majistret dan Presiden-presiden dalam Mahkamah-mahkamah Rendah. Boleh jadi kaya raya dalam bidang swasta. Haruslah Kerajaan memajukan syarat-syarat dan cara-cara perkhidmatan bagi mereka dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Ada juga terdapatnya kekeliruannya dengan membentuk Kementerian Keadilan. Di bawah siapakah pegawai-pegawai Kehakiman itu? Di bawah Ketua Hakim ataupun Menteri Keadilan? Siapakah yang menentukan kenaikan pangkat? Semestinya syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai Kehakiman dan Undang-undang itu adil dan tertentu.

Tuan Pengerusi, mulai daripada 1hb Januari, 1985, pertalian terakhir sistem kehakiman kita dengan sistem kehakiman Britain terputus selamanya. Rayuan-rayuan ke Majlis

Privy akan dihentikan. Sungguhpun kerana semangat nasionalisme terpaksa kita adakan mahkamah terakhir sendiri selepas kemerdekaan selama 27 tahun ini bukanlah bererti kita mesti ada sistem mahkamah dua peringkat. Mustahaklah kita ada satu Mahkamah Agung sebagai pengganti Majlis Privy. Mengganti nama Mahkamah Persekutuan dengan nama Mahkamah Agung bukanlah langkah bijak.

Tuan Pengerusi, bukanlah baik bagi kepentingan orang ramai dapat merayu dari Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan, dan bukan selepasnya. Apakah sebab-sebab tentangan atas sistem tiga peringkat? Terdapatnya sistem itu di negeri-negeri lain. Saya haraplah sebab Kerajaan untuk adakan sistem dua peringkat bukan untuk kurangkan kos. Sungguhpun keadaan sekarang susah payah janganlah kita mengorban keadilan bagi hal-hal kewangan.

Tuan Pengerusi, saya harap Menteri Keadilan akan menjamin keadilan. Saya rasa kesal Menteri Keadilan itu bukanlah orang yang layak dalam bidang undang-undang dan dengan sebab itu barangkali tiada faham masalah-masalah dihadapi oleh pegawai-pegawai Kehakiman dan Undang-undang. Saya harap, macam manapun beliau mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan frustrasi dalam perkhidmatan-perkhidmatan itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

6.26 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada dua perkara dalam Kementerian Kehakiman ini. Pertama ialah muka surat 49, Butiran 2—Kehakiman, Kod 2000—Perkhidmatan dan Bekalan.

Kebelakangan ini kita terdengar saranan daripada pihak Kerajaan yang telah disambut baik oleh Hakim Besar Malaya sendiri iaitu di atas ura-ura Kerajaan untuk menubuhkan Mahkamah Penyelesaian Kes-kes Sivil Kecil. Saya berpendapat ini adalah satu cara yang baik bagi memberikan keadilan kepada semua peringkat rakyat tidak mengira di mana sekalipun.

Dalam hal ini sukalah saya mencadangkan supaya tuntutan-tuntutan yang melibatkan kewangan yang kurang daripada \$5,000 supaya dapat dirujukkan kepada Mahkamah Sivil Kecil ini di mana ianya boleh ditubuhkan di peringkat daerah-daerah kecil. Kesulitan untuk mengadakan Pengadil-pengadil bolehlah diatasi dengan meminta kerjasama daripada peguam-peguam, ahli-ahli Majlis Peguam yang tidak mempunyai kepentingan dalam kes-kes seperti ini oleh kerana apabila rakyat jelata dapat khidmat guaman dengan cara yang tidak formal yang tidak memerlukan borang-borang yang susah difahami, saya percaya perkhidmatan peguam dalam kes-kes seperti ini tidaklah diperlukan lagi. Oleh kerana daripada trend yang dapat diperhatikan selama ini biasanya rakyat jelata yang mempunyai kes-kes yang kecil biasanya tidak mendapat keadilan disebabkan oleh jumlah yang terlibat terlalu kecil, tidak memadai bagi mereka menggunakan perkhidmatan peguam-peguam. Adakalanya mereka melupakan ataupun memansuhkan tuntutan-tuntutan mereka dengan tidak mengambil apa-apa tindakan disebabkan oleh kesusahan daripada segi prosedur untuk mendapatkan pengadilan kes-kes seperti saya katakan tadi.

Perkara yang kedua ialah mengenai perkhidmatan dalam muka surat 50, Kod 2000—Perkhidmatan dan

Bekalan mengenai Perkhidmatan Bantuan Guaman. Kita menyedari bahawa Kerajaan telah lama menubuhkan Biro Bantuan Guaman yang telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat jelata. Apa yang saya ingin ialah bahawa perkhidmatan ini diperluaskan lagi dan ditambahkan lagi pegawai-pegawai di dalam Biro Bantuan Guaman ini.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan bantuan guaman ini ialah mengenai ujian pendapatan (means test) di mana sebelum seseorang itu boleh mendapat perkhidmatan daripada Biro Bantuan Guaman ianya perlulah tidak mendapat pendapatan yang lebih daripada kadar, kalau tidak salah saya, \$300 sebulan dan ini saya rasa adalah satu jumlah yang sungguh kecil. Oleh kerana disebabkan oleh inflasi dan nilai wang yang sudah menurun adalah wajar kalau "means test" dinaikkan kepada satu tahap yang lebih realistik lagi.

Dalam perkhidmatan bantuan guaman ini juga, saya ingin memberitahu iaitu bahawa Majlis Peguam sendiri telah mengadakan bantuan guaman percuma di mana ahli-ahli Majlis Peguam terdiri daripada peguam-peguam yang berdaftar dengan Majlis telah memberikan perkhidmatan yang percuma kepada mereka yang tidak berkemampuan dan harapan saya ialah semoga perkhidmatan percuma ini dapat diperluaskan oleh Majlis Peguam ini semoga lebih ramai lagi rakyat jelata yang tidak berkemampuan akan dapat keadilan yang sempurna.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Silam.

6.32 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, saya bangun ialah untuk membahaskan peruntukan yang diberikan kepada

Kementerian Kehakiman. Dalam membahaskan peruntukan Kementerian ini, saya akan menyentuh Perkara B. 13, muka surat 49 Butiran 2.

Tuan Pengerusi, seperti kita semua ketahui Jabatan Kehakiman menyediakan suatu perkhidmatan yang amat penting bagi orang ramai di mana keadilan dalam apa jua masalah yang dibawa ke mahkamah untuk diadili dan dibicarakan dapat diberikan dengan adil dan saksama tanpa ragu-ragu ataupun tanpa keraguan daripada tindak balas daripada mana-mana pihak.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Kehakiman di semua peringkat atas ketabahan mereka dalam menjalankan tanggungjawab yang licin dalam proses perkhidmatan awam yang disediakan oleh mahkamah. Walaupun seperti kita semua sedia maklum keadaan mereka adalah dalam serba-serbi kekurangan daripada beberapa bidang. Walaupun kita tidak dapati sungutan-sungutan dan kritikan-kritikan dari orang ramai ataupun daripada peguam-peguam, ini tidak bermakna segala-galanya yang berlaku di Jabatan kehakiman itu adalah berjalan dengan baik seperti yang kita harap-harapkan.

Saya suka mensyorkan agar Jabatan Kehakiman ini akan dapat mengkaji dan menyiasat serta memeriksa diri sendiri boleh

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat saya bercadang hendak meminta Menteri Kehakiman menjawab dan menggulung hari ini. Saya lihat tadi ada lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap, jadi kalau boleh, bolehkah Yang Berhormat habiskan dalam masa 15 minit atau 20 minit?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Boleh Tuan Pengerusi. Saya mensyorkan supaya Jabatan

Kehakiman akan dapat menyiasat serta mengkaji diri sendiri oleh kerana saya faham orang ramai ataupun persatuan-persatuan di negara kita barangkali amat ragu-ragu untuk menegur dan mengkritik Jabatan Kehakiman ini. Maka adalah wajar Jabatan Kehakiman supaya dapat menubuhkan atau mengadakan satu Majlis Kesedaran atau Awareness Council, dengan izin, Tuan Pengerusi, agar dapat mengkaji dan mencari jalan bagaimanakah Jabatan Kehakiman ini akan dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ini, saya menyarankan agar perhatian akan diambil dalam cara-cara pengadilan dalam undang-undang yang ada, yang kita praktikkan di negara ini supaya akan dapat dikaji adakah ia memberi kesan yang baik.

Saya percaya melalui cadangan-cadangan yang dapat dikemukakan oleh Jabatan Kehakiman ini, melalui persidangan-persidangan ataupun cadangan-cadangan yang diputuskan oleh anggota-anggota kehakiman secara collective mengenai cara-cara untuk memperbaiki perkhidmatan kehakiman, bolehlah dikemukakan kepada Jabatan ataupun kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Saya percaya semua cadangan-cadangan dan usaha melicinkan lagi pelaksanaan pentadbiran Jabatan Keadilan dan memelihara kebebasan kehakiman di negara ini sudah tentu akan dapat ataupun akan dipertimbangkan oleh Kerajaan. Satu bukti ialah dengan wujudnya Kementerian Kehakiman yang pada masa ini mempunyai Menteri Keadilannya yang berasingan.

Saya percaya Menteri Kehakiman akan dapat menumpukan masa dan menggunakan kuasa-kuasa yang ada untuk memperbaiki lagi perkhidmatan yang disediakan oleh mahkamah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, dalam membahaskan B. 13, Butiran 2 terutama sekali Program 2 (4) saya bilangan jawatan-jawatan yang ada telah dikurangkan daripada 2,260 kepada 2,217.

Saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan apakah antara sebab-sebabnya jawatan-jawatan yang ada dikurangkan? Saya sangat dukacita, Tuan Pengerusi, dan hairan pengurangan ini berlaku sedangkan bilangan kes-kes yang belum diselesaikan di seluruh negara kian meningkat dan bertambah.

Berhubung dengan B. 13, Butiran 2—Program dan Aktiviti 2 (4) Mahkamah Majistret yang saya akan sebutkan sebentar lagi menunjukkan peningkatan kes-kes yang belum diselesaikan dan yang didaftarkan di mahkamah di seluruh negara. Bilangan jawatan dalam tahun 1984 sebanyak 1,044 dan dalam tahun 1985 1,046 hanya dua jawatan sahaja yang ditambah. Kalau kita berpandukan kepada angka-angka kes-kes yang di bawa ke hadapan mahkamah di semua peringkat kecuali Mahkamah Persekutuan ia membayangkan bahawa Jabatan Kehakiman hendaklah menambah kakitangan untuk menyelesaikan kes-kes yang ada. Prestasi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen dalam aktivitinya untuk membicarakan kes-kes Sivil dan jenayah dalam tahun 1984 adalah seperti berikut:

MAHKAMAH TINGGI			
<i>Kes Tunggalan</i>	<i>Kes didaftarkan</i>	<i>Kes diselesaikan</i>	<i>Kes didibawa ke hadapan</i>
57,507	33,379	13,600	77,286
MAHKAMAH SESYEN			
7,398	4,500	3,819	8,790
MAHKAMAH RENDAH			
44,460	21,465	20,715	45,210

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini Kementerian seharusnya mengambil perhatian yang teliti. Adalah dikesali bahawa kakitangan Jabatan

Kehakiman tidak dapat ditambah oleh Kerajaan. Saya masih lagi belum membuat pemeriksaan yang lengkap berkenaan tanggungjawab yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kehakiman di peringkat rendah. Saya rasa tidak salah kalau saya katakan bahawa sebahagian besar daripada tanggungjawab yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kehakiman Rendah tidak kurang daripada 90%. Peranan yang dimainkan oleh Presiden-presiden dan Majistret-majistret dalam menegakkan keutuhan dan keadilan, kedaulatan undang-undang, di samping menjalankan tanggungjawab pentadbiran di tempat masing-masing adalah penting.

Seperti saya sebutkan di awal-awal tadi, sebahagian tanggungjawab kehakiman adalah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Rendah dan sudah tentu berkurangnya Pegawai-pegawai Rendah di Jabatan Kehakiman ini, maka tergendalalah proses pentadbirannya, terutama sekali kelambatan pembicaraan, keputusan-keputusan yang terpaksa ditangguhkan. Dengan kelewatan ini juga maka bermakna tertangguhlah dan tergendalalah proses keadilan di negara ini. Usaha untuk mengurangkan kelambatan kes-kes dibawa ke mahkamah untuk diputuskan hendaklah diambil perhatian dan rancangan yang teliti hendaklah dibuat agar proses keadilan negara ini tidak terjejas. Penambahan jawatan-jawatan Majistret hendaklah dipertimbangkan.

Saya ingin mengesyorkan agar Skim Perkhidmatan Pegawai-pegawai Kehakiman, terutama sekali peringkat Majistret akan dapat dikaji dan dilaksanakan supaya mereka, terutama sekali Majistret-majistret Peringkat Rendah tidak akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, seperti yang sentiasa berlaku pada masa ini.

Selanjutnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah, mahupun dalam masa pembicaraan kes-kes ataupun dalam membuat catatan bertulis yang dibuat di mahkamah. Kita memahami masalah dalam kita melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah oleh kerana seperti kita semua sedia maklum adalah sangat teknikal undang-undang ataupun undang-undang adalah suatu subjek yang terlalu teknikal dan kompleks, akan tetapi kita hendaklah membuat contoh dan hendaklah berusaha dari sekarang. Saya tidak menafikan bahawa setengah-setengah pembicaraan di semua peringkat mahkamah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan, akan tetapi masih terdapat penggunaan Bahasa Inggeris yang berterusan, mahupun dalam pembicaraan ataupun catatan-catatan yang dibuat di mahkamah. Adalah diharapkan agar Jabatan Kehakiman akan mengambil perhatian atas masalah ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kehakiman.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

6.45 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya juga ingin

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong duduk sebentar. Oleh kerana masa terlalu suntuk bagi Menteri menggulung dan menjawab, saya bercadang meminta Menteri menjawab esok. Jadi, Yang Berhormat boleh teruskan. Silakan.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Hari Isnin.

Tuan Pengerusi: Hari Isnin, terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Pengerusi, memandangkan masa telah diberikan kepada saya adalah lebih, saya rasa agak panjang, apa yang saya ingin terus memperkatakan itu adalah sedikit sahaja, saya akan berucap perlahan-lahan oleh kerana pada masa yang dahulu saya telah pun seperti orang yang berlari, dengan izin, "the 100 metres/dash". Oleh kerana itu, saya akan menyentuh mengenai Maksud Bekalan 13, Kementerian Kehakiman, Butiran—Kehakiman, Program 2.1, 2.2, 2.3 dan 2.4.

Sebelum saya teruskan, Tuan Pengerusi, saya ingin membuat satu deklarasi ataupun satu pengumuman tentang apa yang saya ingin berucap oleh kerana saya mempunyai kepentingan di dalam kes ini. Sebab saya ingin membawa perkara ini ke dalam Dewan ini ialah atas dasar prinsip, bukan seolah-olah memperkecilkan, bukan seolah-olah mengambil apa yang dikatakan "revenge", tetapi atas dasar perkara yang telah berlaku.

Pada tanggal 11hb Mei tahun ini saya telah membuat satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi supaya saya diterima sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara di Semenanjung Malaysia dan pada hari itu permohonan saya pun telah diteruskan dan Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan bahawa bantahan Majlis Peguam Semenanjung ataupun Bar Council, dengan izin, itu tidak sah. Oleh kerana bantahan Majlis Peguam ini telah pun tidak diterima, saya pula diterima sebagai Ahli Peguambela dan Peguamcara di Semenanjung Malaysia, tetapi "Certificate of Practice", dengan izin, tidak dikeluarkan oleh kerana Majlis Peguam telah meminta supaya keputusan mahkamah itu dirayu oleh Majlis Peguam ke Mahkamah Persekutuan dan pada 16hb Oktober

tahun ini, rayuan yang dibuat oleh Majlis Peguam itu telah pun diteruskan di Kuala Lumpur dan keputusan yang dibuat dalam rayuan itu pada tanggal 16hb ialah bantahan yang dibuat oleh Majlis Peguam Semenanjung itu dianggap sah oleh Mahkamah Persekutuan dan oleh kerana itu keputusan Mahkamah Tinggi telah pun ditolak. Oleh kerana itu, mengikut keputusan Mahkamah Persekutuan, keanggotaan saya sebagai seorang peguam di Semenanjung Malaysia ditarik balik.

Yang anihnya, Tuan Pengerusi, dalam pembicaraan kes saya di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Persekutuan ialah di Mahkamah Tinggi pihak Peguam Negara telah mengambil sikap ataupun telah mengambil pendirian di mana ia menyokong permohonan saya. Sebetulnya di Mahkamah Tinggi pihak Peguam Negara telah memberi sokongan yang hebat kepada kes saya sehingga saya diterima sebagai seorang peguam di Semenanjung Malaysia. Tetapi apabila rayuan dibuat kepada Mahkamah Persekutuan, saya terperanjat oleh kerana saya berpendapat bahawa pihak Peguam Negara akan membuat pendirian yang sama dalam rayuan itu tetapi apabila pembicaraan rayuan itu diteruskan, dengan izin, I was caught off guard, pihak Peguam Negara telah membantah permohonan saya itu dengan saya tidak sedar dan tidak diberi notis tentang pendirian beliau, maka itulah yang saya anggap pada dasarnya tidak harus dilakukan. Tidak apa kalau saya tidak dapat dibenar menjadi seorang Peguam di Semenanjung, tidak apa, oleh kerana keputusan yang telah dibuat dalam satu kes tertentu itu adalah dibuat atas fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang terdapat. Tetapi pada prinsipnya, pada dasarnya pihak Peguam Negara tidak seharusnya mengambil sikap yang, dengan izin, inconsistent.

Katalah, Tuan Pengerusi, walaupun satu hypothesis, dengan izin, jika pihak Peguam Negara membawa suatu kes ke mahkamah membela ataupun berkhidmat bagi pihak Kerajaan dalam sesuatu kes tertentu, katalah, di Mahkamah Tinggi, pihak Peguam Negara mengambil satu pendirian dalam sesuatu kes apabila kes itu pergi ke Mahkamah Persekutuan, jika pihak Peguam Negara menukar pendirian, menukar sikap dalam kes itu, ini akan mewujudkan satu masalah yang susah sekali. Dan oleh kerana itu saya berpendapat bahawa di dalam sesuatu kes di mana Peguam Negara membuat satu pendirian sama ada menyokong ataupun tidak menyokong di Mahkamah Rendah, apabila kes itu datang ke Mahkamah Tinggi pendirian pihak Peguam Negara ke atas kes, ke atas keterangan, ke atas fakta-fakta tertentu harus mengikut pendirian yang telah diambil di dalam Mahkamah Rendah. Adalah anih jikalau pihak Peguam Negara di dalam satu kes majistret misalnya membuat satu pendirian menyokong tetapi di Mahkamah Tinggi tidak menyokong dan di Mahkamah Persekutuan menyokong. Pendirian yang inconsistent ini, Tuan Pengerusi, tidak akan memberi satu gambaran yang baik dan yang adil kepada Pejabat Peguam Negara oleh kerana Pejabat Peguam Negara itu adalah satu pejabat yang penting sekali di mana tanggungjawab-tanggungjawab yang penting diletakkan ke atasnya dan oleh kerana itu Peguam Negara harus mengambil pendirian yang consistent dalam apa juga pun kes yang diambil ataupun dia bawa ke mahkamah-mahkamah yang terdapat di negara kita ini. Dan saya haraplah, Tuan Pengerusi, supaya pada masa yang akan datang Peguam Negara akan memberi arahan kepada pegawai-pegawainya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Kalau Yang Berhormat banyak menekan hal-hal di

bawah Jabatan Peguam Negara, jadi ini merupakan masalah yang telah diputuskan. Kalau Yang Berhormat berbincang dari hal perjalanan mahkamah-mahkamah ini adalah masalah di depan kita. Jadi saya harap Yang Berhormat pandai-pandailah, olah-olah ucapan supaya lebih relevant, dengan izin, kepada masalah dihadapan kita.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebetulnya perkara mengenai Peguam Negara itu walaupun nampaknya diletakkan di bawah perkara yang sudah lampau tetapi ada berkaitan dengan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah tiba bagi mesyuarat ditangguhkan. Yang Berhormat boleh sambung semula pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin, 12hb November, 1984, pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.